

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I **Bil. 18** **Hari Rabu** **25hb Mac 1987**

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Jawatankuasa Dewan Mengucapkan Terima Kasih
kepada Hospital Besar Kuala Lumpur (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) 1987 (Ruangan 32)

Rang Undang—undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (Ruangan 42)

Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) (Ruangan 51)

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) (Ruangan 103)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 25hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Jawatankuasa Dewan Mengucapkan Terima Kasih kepada
Hospital Besar Kuala Lumpur

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Dewan, Dewan Negara telah bermesyuarat pada pukul 12.00 tengahari ini dan berasa dukacita mengenai kejadian yang telah dialami oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh yang mana telah dimasukkan ke dalam Hospital Besar Kuala Lumpur pukul 9.30 minit pagi hari semalam dalam keadaan tidak sedarkan diri. Jawatankuasa Dewan mengucapkan setinggi terima kasih kepada Hospital Besar Kuala Lumpur yang telah memberi rawatan cemas dan juga kepada pihak Polis yang sedang membuat siasatan Halus dengan, tujuan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Jawatankuasa Dewan telah diberitahu bahawa Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh sudah keluar dari hospital seperti biasa dan bercuti rihat, balik ke keluarganya. Jawatankuasa Dewan, Dewan Negara menasihatkan kepada semua Ahli-ahli Senator perempuan yang datang dari luar Kuala Lumpur supaya berwaspada apabila membeli-belah di kompleks atau kedai-kedai di Kuala Lumpur supaya berjalan bersama rakan dan jangan berjalan seorang diri, khususnya di waktu malam dan jangan memakai barang-barang kemas yang berharga. Sekian, terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN MDLUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**KUMPULAN KONGSI GELAP**

1. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kumpulan-kumpulan kongsi gelap di negara ini; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil bagi menghapuskannya kerana ianya telah mengganggu ketenteraman awam dan telah banyak melakukan penganiayaan rompakan dan pembunuhan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat 90 kumpulan kongsi gelap yang telah dikenalpasti bergerak di seluruh negara. Bagaimanapun hanya kumpulan-kumpulan yang bergerak di negeri-negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor sahaja yang aktif berbanding dengan yang terdapat di negeri-negeri lain.
- (b) Berbagai-bagai langkah telah diambil bagi membanteras kegiatan jenayah kongsi gelap. Ini termasuklah:
 - (i) mendakwa mereka yang terlibat di mahkamah sekiranya terdapat bukti-bukti yang mereka terlibat dengan kejadian-kejadian jenayah;
 - (ii) mengambil tindakan pencegahan seperti mengenakan perintah tahanan dan sekatan;dan

- (iii) mengadakan operasi mencegah jenayah dari masa ke semasa di tempat-tempat yang dipercayai dikunjungi oleh ahli-ahli kumpulan kongsi gelap.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri, adakah benar bahawa kongsi-kongsi gelap ini dilindungi oleh segolongan, manusia yang ada kepentingan sesuatu. Sekiranya ini benar, apakah tindakan yang diambil untuk mencegahnya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang ada bukti-bukti bahawa setengah daripada kongsi gelap ini ditaja oleh orang-orang yang berpengaruh. Terutama di kawasan Kuala Lumpur dalam masa 5, 6 bulan ini kita telah pun dapat menangkap ketua kumpulan tersebut dan telah pun menghantar ke Pusat Tahanan Pulau Jerejak.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari sejak kita baca buku pelbagai citra Melayu kita sudah dengar kongsi gelap di Semenanjung ini. Adakah Kerajaan berupaya untuk menghapuskan kongsi gelap ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pihak Kerajaan terutama Kementerian Dalam Negeri akan mencuba seberapa daya - kalau tidak pun menghapuskan, tetapi- mengurangkan kegiatan kongsi gelap ini kerana sepertimana Yang Berhormat kata sejarahnya terlalulah lama.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah punca-punca utama yang mengakibatkan penambahan dalam bilangan kongsi-kongsi gelap di negara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa punca-punca atau sebab-sebab mengapa wujudnya kongsi-kongsi gelap ini:

- (i) kurang perhatian ibu bapa terhadap anak-anak, kemiskinan dan kekurangan dari segi pendapatan sara hidup;
- (ii) kurang pelajaran, keciciran dari sekolah atau tidak berkemampuan meneruskan persekolahan, dipaksa berhenti sekolah untuk membantu penjaga;
- (iii) bergaul dengan anasir-anasir jahat atau tinggal di kawasan-kawasan yang dikuasai oleh kumpulan kongsi gelap;
- (iv) penghijrahan oleh belia ke bandar-bandar, dipaksa membayar wang perlindungan, lama-kelamaan tanpa disedari terjerat ke dalam pertubuhan tersebut;
- (v) mengharap dipandang tinggi sebagai ahli kongsi gelap, ditakuti dan dihormati oleh umum apabila mencapai pangkat atau taraf di kongsi gelap seperti tiger general dan sebagainya;

(vi) oleh kerana sikap setengah daripada mereka malas, tidak sanggup bekerja kuat dan memasuki kongsi gelap adalah satu cara mencari pendapatan yang senang.

(vii) pertumbuhan pesat kelab-kelab malam, rumah-rumah urut dan juga rumah-rumah pelacuran dan adanya sokongan daripada orang ramai untuk membayar wang perlindungan terhadap kegiatan kongsi gelap ini.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kegiatan kongsi gelap ini juga wujud di sekolah-sekolah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau pun ia wujud, tetapi ini merupakan bukan satu sindiket kongsi gelap tetapi mungkin ada murid-murid sekolah menjadi kongsi gelap yang di luar yang tidak ada sanggup dengan sekolah.

LESEN PERNIAGAAN/CUKAI PINTU - MERINGANKAN BEBAN RAKYAT

2. Tuan Koh Im Pin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada sebagai satu langkah memudahkan dan mengurangkan beban rakyat Kerajaan akan:

- (a) menyelaraskan dan memberi satu lesen bagi semua jenis perniagaan bagi setiap kedai; dan
- (b) menyelaraskan dan menyatukan kadar cukai pintu di negara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Petua, bagi menjawab soalan bahagian (a), Pihakberkuasa Tempatan, mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 hanyalah mengeluarkan lesen bagi membolehkan sesuatu premit di-gunakan untuk tujuan apa-apa jenis trade, perniagaan atau

perindustrian yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau-ganggu kepada orang awam atau sesuatu keias orang awam.

Di dalam menjalankan sesuatu perniagaan atau kedai, seseorang pengusaha atau meniaga itu terpaksa mematuhi kehendak undang-undang tertentu yang berkaitan dengan barangan yang disimpan atau dikilang atau diperniagakan di dalam sesuatu premis tersebut.

Undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut adalah dilaksanakan oleh beberapa Kementerian dan jabatan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihakberkuasa Tempatan.

Selanjutnya bayaran lesen dan permit yang dikeluarkan - adalah menjadi sumber hasil kepada Kerajaan Pesekutuan, Negeri, dan Pihakberkuasa Tempatan di mana yang berkenaan.

Memandangkan kepada perkara yang saya telah sebutkan tadi, maka adalah sukar bagi pihak Kerajaan untuk mengeluarkan hanya satu lesen bagi semua jenis perniagaan untuk setiap kedai. Walau bagaimanapun, untuk memudahkan orang ramai supaya tidak dibebankan dengan memohon lesen-lesen yang berlainan, Kerajaan akan mempertimbangkan kemungkinan mengeluarkan satu bentuk lesen untuk semua jenis perniagaan.

Jawapan bagi soalan bahagian (b), penilaian harta di dalam sesuatu kawasan Pihakberkuasa Tempatan, sama ada dilaksanakan melalui perkhidmatan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan atau oleh penilai-penilai swasta, adalah menggunakan kaedah-kaedah yang sama dan diiktirafkan di peringkat antarabangsa untuk menentukan nilai tahunan (annual value) atau nilai tambah (improved value), dengan izin, bagi sesuatu pegangan di dalam sesuatu kawasan Pihakberkuasa Tempatan.

Seksyen 130 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Akta 171 telah memperuntukkan had kadar maksima yang boleh dikenakan sebagai kadar taksiran atau cukai pintu bagi sesuatu harta pegangan ialah sebanyak tidak lebih daripada 35% dari nilai tahunan atau 5% dari nilai tambah.

Pihakberkuasa Tempatan dengan kelulusan Pihakberkuasa Negeri sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan, boleh mengenakan sesuatu kadar tahunan dalam sesuatu kawasan Pihakberkuasa Tempatan mengikut keperluan Penguasa-penguasa Tempatan masing-masing.

Berdasarkan kepada apa yang saya telah jelaskan tadi, maka adalah sukar untuk menyatukan kadar taksiran atau cukai pintu bagi seluruh negara oleh kerana kadar taksiran yang sebenarnya adalah bergantung kepada keadaan tempat sama ada di kawasan bandar atau luar bandar dan juga dari segi kegunaan sesuatu pegangan itu sama ada rumah kediaman, perniagaan, industri atau pertanian.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan berkenaan. dengan kenaikan cukai pintu iaitu di Negeri Pulau Pinang di mana ada dua Majlis Tempatan Seberang Prai dan Pulau Pinang (MPPP dan MPSP).

Masalah MPPP pada masa sekarang menyebabkan tuanpunya rumah merasa susah hati oleh sebab kenaikan cukai pintu. Adakah cukai ditentukan satu-satu masa, umpamanya, 5 atau 10 tahun sekali cukai pintu itu dinaikkan?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Petua, seperti yang saya jelaskan tadi, cukai pintu adalah dikenakan atas nilai tahunan atau-

pun nilai tambah sesebuah bangunan dan tiap-tiap tahun Pihakberkuasa Negeri hendaklah memberikan kelulusan bagi permohonan Pihakberkuasa Tempatan untuk menaikkan kadar kenaikan cukai pintu dari nilai yang dikutip oleh tiap-tiap Majlis Tempatan dalam negara kita.

Sebenarnya, kenaikan itu biasanya dibuat bukanlah pada tiap-tiap tahun. Walaupun Pihakberkuasa Tempatan ada hak untuk menaikkan cukai pintu pada tiap-tiap tahun, tetapi biasanya ia tidak berlaku dan kenaikan cukai pintu adalah dibuat dari semasa ke semasa atas beberapa segi, iaitu daripada segi kemampuan kewangan majlis-majlis tempatan untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Dato Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan dalam perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin menyatukan formula taksiran cukai pintu yang pada masa sekarang mempunyai dua cara iaitu sebagaimana yang telah kita dapat dengar sebentar tadi, dengan izin, annual value dan juga improved value. Setahu saya, di dalam negara kita pada masa sekarang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyamakan segala undang-undang di dalam negara ini supaya seluruh negara atau semua negeri akan menggunakan satu undang-undang atau, dengan izin, unitormed by-law. Oleh yang demikian, cara taksiran cukai pintu pada masa sekarang adalah berbeza di antara satu negeri dewan yang lain, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin mencadangkan supaya disatukan- formula itu. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Petua, buat masa sekarang Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menyatukan dua cara mengenakan cukai pinitu itu iaitu nilai tahunan dan nilai tambah.

Walau bagaimanapun, saya sukalah menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, cuma sebuah negeri yang menggunakan formula nilai tambah atau 'improved value', dengan izin.

Negeri-negeri lain menggunakan cara nilai tahunan. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berusaha untuk menjalankan penilaian yang sama bagi semua negeri-negeri atas harta-harta yang terdapat di bawah Penguasa-penguasa Tempatan dan kita harapkan penilaian akan membawa satu keadaan di mana semua pegangan dalam tiap-tiap Penguasa Tempatan akan dinilai. mengikut ukuran yang sama.

KEGIATAN ZIONISM

3. **Tuan A. Shaikh Dawood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membentasi kegiatan-kegiatan "zionism" yang semakin bertambah sejak kebelakangan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai cukup keupayaan sama ada dari sudut undang-undang atau penguatkuasaan untuk mengawasi, mengesan dan membentasi kegiatan dan pengaruh zionis daripada menjadi lebih serius dan berlarutan.

Langkah-langkah yang dapat diambil oleh Kerajaan termasuklah tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966, Akta Imigresen 1959/1963 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di antara kegiatan-kegiatan zionis yang dijalankan di negara kita, kegiatan apakah yang sangat-mengancam, namakan satu kegiatan yang sangat mengancam negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak dapat mengumumkan maklumat mengenai ancaman-ancaman, institusi-institusi dan juga orang-orang yang secara sedar atau tidak sedar yang telah terlibat dengan pengaruh zionis ini. Bagaimanapun kalau kita umumkan perkara **ini**, maka ia akan menjejaskan siasatan-siasatan dan kajian-kajian yang sedang rancak dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah pendapat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai hubungan lawatan Perdana Menteri Israel ke Singapura dan kenyataan seorang Menteri di Singapura tentang orang Melayu itu sebahagian daripada grand design zionist movement?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang ditapis dan dianalisa oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di manakah pusat zionis di rantau ini dan kenapakah kita takut sangat kepada zionis ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah sukar untuk saya memberitahu di Dewan yang mulia **ini**, Tuan Yang di-pertua, di manakah pusatnya, tetapi di sebuah negara jiran yang sungguh berhampiran dengan kita dan kita tahu bahawa pergerakan zionis ini adalah semata-mata untuk meracun pemikiran rakyat kita, memperalatkan mereka mungkin dengan memberi wang ringgit untuk memburuk-burukkan dasar Kerajaan dan juga agama suci kita Islam di negara kita **ini**.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, untuk melawan zionism mengapakah tidak memisahkan zionism daripada orang Yahudi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, zionis zionis, Yahudi - Yahudi, Kristian - Kristian. Terima kasih.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan, kalau begitu mengapakah pemain badminton dari Malaysia, bila mereka bermain dengan orang yahudi, ada timbul huru-hara?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita tidak mengiktiraf Israel, maka itulah sebabnya perkara itu berlaku.

LAPANGAN TERBANG/RUMAH SAKIT SIBU - PEMBINAAN

4. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Kerjaraya menyatakan memandangkan harga barangan telah naik dan ekonomi negara nampaknya akan pulih dengan pesat, apakah Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan Lapangan Terbang Sibul dan Rumah Sakit Sibul dimasa dua-tiga tahun yang akan datang.

Menteri Kerjaraya [Dato S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kedua-dua projek ini telah sampai ke peringkat perlaksanaan, tetapi peruntukan belum dapat diadakan.

Kerajaan sememangnya menganggap bahawa kedua-dua projek ini penting untuk dilaksanakan secepat mungkin. Jika keadaan ekonomi terus beransur pulih dan keadaan kewangan Kerajaan bertambah baik, saya percaya kedua-dua projek ini akan dapat dilaksanakan dalam masa dua tiga tahun akan datang, atau seberapa segera yang boleh.

BAHASA MANDARIN DALAM KBSR

5. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian berkenaan akan menimbang memperkenalkan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar untuk guru-guru sekolah Cina yang dilatih di bawah program KBSR ketika di maktab perguruan, kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru pelatih yang mengikuti Kursus Perguruan Asas Pengajian Sekolah Rendah/Pengajian Cina ataupun Program KBSR Pengkhususan Pengajian Cina, kini belajar bahasa Mandarin dan kaedah pengajarannya sebanyak 380 jam. Ini merupakan tambahan 38 jam ke atas peruntukan masa dahulu.

Kursus sepanjang 2^{1/2} tahun ini adalah mencukupi untuk membolehkan mereka mengajar bahasa Cina serta matapelajaran-matapelajaran yang lain (kecuali Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) dengan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Semasa latihan mengajar selama satu semester, guru pelatih Pengajian Sekolah Rendah Pengajian Cina diwajibkan mengajar bahasa Cina dan satu lagi matapelajaran dengan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, setelah Kementerian mengadakan kursus menggunakan cara bahasa Mandarin, apakah Kementerian juga bercadang pula untuk menambahkan bahasa Hokien.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya, kita tidak ada bahasa Hokien.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Timbalan Menteri Pelajaran dapat memberitahu Dewan ini bagaimana, pula kalau bukan guru Cina daripada guru bangsa Melayu ataupun India dapat belajar: khusus bahasa Mandarin, kemudian dia boleh pula mengajar, adakah dia diberikan elaun tertentu kerana boleh berbahasa Mandarin dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. ini soalan yang baru, bukan berkaitan dengan soalan yang asal dan saya rasa ini tidak payah dijawab.

EKONOMI NEGARA - KADAR PERTUMBUHAN

6. **Tuan Hassan bin Ham** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa peratuskah dijangka kadar pertumbuhan ekoami negara pada tahun 1987 dan 1988 nanti, adakah diramalkan dijangka keadaan ekonomi negara akan lebih baik dari tahun 1986 atau sebaliknya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan 1987 telah dinyatakan bahawa negara kita dijangka akan mencatat kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 1% pada tahun 1987 ini, tetapi jika harga barangan utama dan eksport negara yang pada masa sekarang dianggap baik terus meningkat dan prestasi sektor swasta bertambah baik, ada kemungkinan pertumbuhan ekonomi negara akan menjadi lebih baik dari yang telah dijanjikakan di peringkat. 1% itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1988 berasaskan anjuran awal yang diperolehi adalah dijangka bahawa kedudukan harga barangan utama dan permintaan dunia juga dijangka terus pulih. Di samping itu juga, permintaan terhadap barangan perkilangan akan bertambah baik dan selaras dengan itu kita percaya tahun 1988 dijangka lebih kukuh dan kadar pertumbuhannya akan meningkat lebih dari kadar pertumbuhan bagi tahun ini, iaitu tahun 1987.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, saya ingin tahu dengan lebih jelas apakah satu usaha yang benar-benar serius yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan secara keseluruhannya dan apakah peranan rakyat yang patut rakyat mainkan supaya pertumbuhan ekonomi negara kita benar-benar berjaya dalam tahun 1987/1988 ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kementerian Kewangan yang sepatut berusaha, tetapi Kerajaan pada keseluruhannya, yakni semua Kementerian-kementerian harus berusaha bagi memperbaiki kedudukan ekonomi, Kita bergantung sebahagian besarnya kira-kira 53% kepada dagangan. Ertinya, Kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan dagangan, sama ada dari segi barang perkilangan, dari segi bahan-bahan utama, dari segi petroleum dan sebagainya untuk memastikan supaya harga-harga ini terus kekal. Ini bukan sahaja dengan usaha menjual, tetapi juga menyertai forum-forum di mana kita mempunyai kepentingan.

Sebagai tambahan daripada itu, kita harus juga mengurangkan kos dari segi pengeluaran barang-barang kilang supaya barang-barang kita ini dapat bertanding dengan barang-barang yang dikeluarkan oleh negara-negara lain dengan tujuan-supaya barang kita ini dibeli lebih oleh negara-negara yang menggunakan barang kita. Selain daripada itu juga kita harus membanyakkan produktiviti, termasuk seperti yang selalu ditegaskan oleh pihak Kerajaan, bekerja kuat, jangan mem-bazir, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat menggalakkan orang ramai supaya sikap produktif ini dapat disemat oleh semua rakyat untuk kepentingan seluruh negara,

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA) - SUMBANGAN WANG

7. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menerangkan sejak Universiti Islam Antarabangsa wujud, berapakah jumlah sumbangan wang dan lain-lain yang telah diberi oleh Malaysia. Bagaimanakah dengan negara-negara lain yang memberi janji membantu menjayakan UIA **ini**. Berapakah ramai pelajar yang ada dan dari mana mereka datang. Berapa jents kuliah yang dilaksanakan sekarang ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas Universiti Islam Antarabangsa (UIA) sejak ianya dibuka ialah sebanyak \$66,070,50 iaitu \$42,670,580 untuk Belanja Pengurusan dan \$23,400,000 untuk Perbelanjaan Pembangunan. Jumlah wang yang diterima dari sumber-sumber asing ialah sebanyak \$6,374,760.05.

Hingga 18hb Januari, 1987 jumlah pelajar UIA ialah 832 orang, iaitu 708 orang dari Malaysia dan 124 orang dari 24 negara lain. Pada masa sekarang, kuliah-kuliah dalam bidang Ekonomi dan Undang-undang dijalankan.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan siswazah-siswazah yang belajar di Universiti Islam Antarabangsa adalah wajar terdiri daripada pelajar-pelajar dari sekolah bahasa pengantarnya bahasa Arab. Soalannya, setakat ini siswazah-siswazah dari negara kita yang belajar di UIA adakah terdiri daripada pelajar-pelajar lulusan sekolah Arab atau sekolah-sekolah yang bukan bahasa pengantarnya bahasa Arab?

Kedua, setelah UIA ini wujud, adakah Kerajaan bercadang atau menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan sekolah-sekolah yang bahasa pengantarnya bahasa Arab bertujuan supaya dapat mereka belajar di UIA?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya, siswazah-siswazah yang berada di UIA itu tidaklah semua dari matapelajaran Arab.

Berkaitan dengan soalan kedua itu, saya minta notis dahulu.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tidak diletak di bawah Unit Pusat Universiti dalam hal-hal pengambilan penuntut? Jika benar, mengapakah universiti diasingkan dari Unit Pusat

Tuan Yang di-Pertua: Hold on! Itu bukan soalan tambahan. Ini soalan baru Yang Berhormat mahu timbulkan, tidak boleh itu. Jadi tidak usah dijawab.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sejauh manakah kursus-kursus seperti Ekonomi dan Undang-undang yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa itu diberi pengiktirafan oleh negara kita dan negara-negara lain di dunia ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kursus dalam Ekonomi dan Undang-undang sudah diiktirafkan di dalam negara kita ini. Mengenai soalan adakah dia sudah diiktirafkan di semua negeri yang berada di dunia ini, saya mestilah meminta notis dahulu.

Dr Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaslah bantuan daripada luar cuma berjumlah lebih kurang 10% sahaja. Jadi, tidak adakah usaha untuk mengubah nama ini daripada 'International' kepada nama kita sendiri; sedangkan kita mengeluarkan duit banyak, yang dapat nama negara lain.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sumber-sumber dari asing itu ada kurang sedikit, tetapi mereka mengambil bahagian di satu pusat pelajaran tinggi di negara kita ini sangat-sangat dinilaikan dan negara-negara yang terlibat ini ada 2A semua

dalam seluruh dunia. Ini akan mengembangkan persahabatan antara negara kita dengan negara-negara yang mengambil bahagian, iaitu seperti Singapura, Afghanistan, Bangladesh, Gambia, Ghana, Indonesia, Thailand, Korea, Filipina, Maldives, Sri Lanka, India, Brunei Darussalam, New Zealand, - Australia, France, Taiwan, Morocco, Yemen, Britain, Hongkong, Iran, Uganda dan Pakistan.

Dr Nordin Selat: Soalan tambahan. Berapakah jumlah sebenarnya yang telah dijanjikan oleh negara-negara yang tersebut:?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan ini, saya minta maaf sebab saya hendak minta notis dahulu.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Titmbalan Menteri ada menyebut di Universiti Islam Antarabangsa ini ada dua Fakulti, iaitu Fakulti Undang-undang dan Ekonomi. Bolehkah saya fahamkan pelajar-pelajar kita yang keluar daripada universiti ini nanti benar-benar mahir dalam Ekonomi Islam dan Undang-undang Islam di negara kita ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran yakin mereka ada pengalaman yang cukup selepas mereka mendapat ijazah dari universiti i.tu.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan sedikit, daripada jumlah 382 pelajar di UIA, berapa orang daripada mereka yang bukan beragama Islam?

Tuan Wood See Chin: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar ini saya tidak ada jawapan, sebab kita tidak ada membuat pengkajian berkaitan dengan bilangan mengikut agama. Dengan itu, saya minta notis dahulu.

PAKAIAN YANG DIHARAMKAN DI RTM

8. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar, ramai kakitangan RTM/pelakun-pelakun memakai pakaian yang diharamkan untuk orang lelaki seperti rantai emas dan nampak terang melanggar hukum Islam..

Menteri Penerangan [Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj]:
Tuan Yang di-Pertua, kakitangan RTM adalah pegawai-pegawai Kerajaan. Mereka tertakluk di bawah peraturan-peraturan dan tata pakaian di waktu bekerja yang dikeluarkan. Kakitangan RTM ketika dipaparkan di kaca TV dalam rancangan-rancangan terbitan RTM tidak dikecualikan dari peraturan-peraturan yang ditetapkan **itu**. Dengan ini baik lelaki atau perempuan, tidaklah harus memakai pakaian yang diharamkan.

Sementara **itu**, pelakun-pelakun atau artist-artist TV Malaysia juga tertakluk di bawah peraturan tata pakaian RTM yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan yang melarang mereka sama ada lelaki atau perempuan memakai pakaian yang terkeluar daripada, tata pakaian yang sudah digariskan **itu**.

KAMPUCHEA - PENDUDUKAN VIETNAM

9. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Luar Negeri menyatakan usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh ASEAN dalam penyelesaian masalah Kampuchea dan pendirian Malaysia sekarang terhadap isu Kampuchea itu.

Tunbalan Menteri Luar Negeri [Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, masalah pendudukan Vietnam ke atas Kampuchea belum lagi mendapat apa-apa penyelesaian sungguhpun usaha-usaha diplomatik telah diambil oleh ASEAN dan sebahagian besar masyarakat antarabangsa. Di Bangsa-bangsa Bersatu setiap tahun Vietnam digesa untuk merundingkan satu penyelesaian politik yang menyeluruh dan kekal. Kita dan ASEAN telah menekankan kepada semua pihak bahawa satu penyelesaian politik yang menyeluruh ke atas masalah ini akan mempertingkatkan lagi keamanan dan stabiliti di rantau ini.

ASEAN yakin bahawa masalah Kampuchea dapat diselesaikan dengan pengunduran semua tentera Vietnam dari Kampuchea diikuti dengan satu penentuan oleh orang-orang Khmer tentang masa depan mereka dan pemulihan kemerdekaan dan kedaulatan Kampuchea.

Malaysia dan rakan-rakan ASEAN yang lain telahpun mencadangkan Perundingan Perantaraan, ataupun, dengan izin, Proximity Talks pada bulan Jun, 1985 bagi memulakan proses dialog di antara Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dan Vietnam. Vietnam telah menolak cadangan itu. Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea sendiri pada 17hb Mac tahun lepas, telah mengesyorkan Cadangan Lapan Perkara, Eight Point Proposals, dengan izin, untuk mengatasi masalah Kampuchea yang mana telah mendapat sokongan daripada masyarakat antarabangsa termasuk ASEAN juga.

Vietnam lagi sekali menolak cadangan tersebut. Sungguhpun Vietnam digesa, untuk menimbang semula pendiriannya, nampaknya ia masih enggan bertolak ansur dah tenteranya terus menduduki

Kampuchea. Malaysia akan tetap memberi sokongannya sama ada politik ataupun diplomatik kepada Kerajaan Campuran ini di bawah kepimpinan Putra Norodom Sihanouk. Bersama rakan-rakan ASEAN yang lain, kita juga akan meneruskan usaha-usaha di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan Persidangan-persidangan Antarabangsa yang lain untuk mengekalkan pengiktirafan CGDK sebagai Kerajaan yang sah di Kampuchea dan mendesak Vietnam untuk tampil ke meja perundingan. Sambil meneruskan usaha-usaha untuk mencari penyelesaian yang menyeluruh terhadap masalah ini, kita mengalu-alukan serta menyambut baik sebarang usaha dari mana-mana pihak, bagi membantu dalam penyelesaiannya.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat. Timbalan Menteri sebentar tadi, banyak perkara yang telah diputuskan tetapi penolakan dari Vietnam agak menempuh kegagalan berhubung dengan penyelesaian negara Kampuchea. Di sini saya suka hendak mendapat penjelasan, kalau sesuatu keputusan yang telah diambil oleh ASEAN ataupun negara-negara lain, salah satu daripada mereka atau kedua-duanya tidak mematuhi keputusan itu, apakah tindakan yang wajar atau yang boleh diambil oleh ASEAN untuk matlamat penyelesaian?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah apa yang dikatakan satu fenomena dan juga dilemma diplomasi antarabangsa iaitu bagaimana hendak melaksanakan ataupun dengan izin, to enforce sebarang keputusan ataupun ketetapan yang dibuat oleh Badan-badan Antarabangsa. Setakat ini kita masih dalam peringkat memujuk Vietnam untuk tampil untuk mencari satu penyelesaian politik terhadap masalah ini.

NOVEL UNTUK DRAMA TV

10. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Penerangan menjelaskan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mewajibkan novel pengarang-pengarang tanahair untuk dijadikan drama TV yang akan menjamin mutu cerita di samping mengenalkan karya bermutu pada masyarakat ramai.

Tengku Datuk Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, RTM menerima skrip-skrip dari penulis-penulis tanahair secara terbuka untuk dijadikan drama TV. Skrip-skrip yang didapati sesuai akan digunakan tetapi tidak bercadang mewajibkan novel-novel tanahair dijadikan drama TV.

PASPORT KHAS KE INDONESIA

11. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan rakyat Singapura dan Malaysia di masa kini menikmati kemudahan perjalanan masuk keluar ke Singapura atau ke Malaysia dengan menggunakan passport khas Singapura untuk lawatan ke Malaysia atau passport khas Malaysia untuk lawatan ke Singapura adakah pihak Kementerian bercadang menggunakan passport seumpama itu bagi rakyat kedua buah negara Malaysia dan Indonesia, kerana passport seperti ini akan dapat mengawal perjalanan rakyat Malaysia/Indonesia dan mencegah pendatang haram.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Pas Sempadan yang serupa dengan Passport Terhad Malaysia ke Singapura telahpun digunakan bagi rakyat Malaysia di sempadan Sarawak dan Sabah dengan Kalimantan Barat dan Kalimantan Timur. Pas Sempadan itu membolehkan rakyat di kedua-dua negara yang tinggal di kawasan sempadan bersama untuk membuat lawatan sosial ke kawasan-kawasan di negara jiran yang berhadapan dengan daerah yang mereka tinggal atau bermastautin. Begitulah juga keadaannya di sempadan Malaysia dengan Thailand di mana rakyat di negeri-negeri utara Seraenanjung Malaysia dan Selatan Thailand telah menggunakan Pas Sempadan bagi maksud yang sama.

Tuan Azman Atar bin Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Timbalan Menteri dapat menjelaskan bagaimana kedudukan Pasport Terhad di antara Indonesia dengan Semenanjung Malaysia. Dan juga apakah dengan memegang Pas Sempadan, maka seseorang rakyat Indonesia boleh bekerja di Malaysia secara bebas?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pas Sempadan digunakan di antara Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat, Indonesia. Kerajaan bersetuju memperluaskan penggunaan kemudahan ini di antara Semenanjung Malaysia dengan Indonesia.

Untuk tujuan itu Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Lintasan Sempadan dengan pihak Indonesia pada 12hb Mei 1984. Namun demikian Pas Sempadan di Semenanjung Malaysia masih belum dilaksanakan lagi. Pas Sempadan yang dimaksudkan itu hanyalah dikeluarkan kepada rakyat di kedua-dua buah negara yang tinggal di kawasan sempadan bersama Malaysia/Thailand atau Malaysia/Indonesia untuk membolehkan mereka melawat negara jiran yang berhadapan dengan daerah yang mereka tinggal.

Tentang soalan Yang Berhormat yang kedua itu, Pas Sempadan ialah satu dokumen perjalanan sebagai ganti kepada Pasport Antara-bangsa. Ianya boleh dipakai hanya di antara negara-negara yang sudah pun bersetuju untuk melaksanakan dokumen ini dan sebagai satu dokumen perjalanan yang sah. Seorang rakyat Indonesia yang memegang Pas Sempadan Indonesia hanya boleh memasuki negara ini sebagai pelawat sosial sahaja. Sebagai seorang pelawat sosial, ia tidak boleh bekerja di negara ini.

Walau bagaimanapun, jika majikan-majikan tempatan berkehendakkan tenaga kerja Indonesia, mereka hendaklah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan. Majikan tempatan hanya dibenarkan mengambil tenaga kerja dari Indonesia untuk sektor perladangan jika rakyat tempatan benar-benar tidak mahu bekerja di tempat-tempat yang berkenaan.

MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA-FITNAH

12. **Tuan Haji. Shuaib bin Lazim** minta Menteri Perusahaan Utama untuk mematahkan fitnah-fitnah yang telah disebarkan oleh golongan tertentu di luar negeri, yang kononnya minyak kelapa sawit Malaysia tidak sesuai untuk dijadikan minyak makan, kerana kononnya mengandungi kolestrol yang tinggi, setakat ini apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi membasmi fitnah yang tidak bertanggungjawab itu, dan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu seminar yang khusus mengenai perkara ini dengan menjemput semua negara-negara berkenaan benar-benar faham.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama memang sedar dan sentiasa mengawasi fitnah-fitnah yang disebarkan oleh golongan-golongan tertentu kononnya minyak kelapa sawit Malaysia tidak sesuai dijadikan minyak makan dan sebagai bahan makanan. Sebenarnya perbuatan mereka ini timbul dari perasaan kekaguman mereka tentang kebaikan minyak kelapa sawit Malaysia yang mempunyai berbagai khasiat seperti anti-thrombotic prosacycling yang boleh menyumbang kepada pengurangan kandungan kolestrol dalam darah. Dengan itu Kementerian Perusahaan Utama telah menganjurkan seminar-seminar di luar negeri dengan menjemput pakar-pakar antarabangsa membentangkan hasil-hasil penyelidikan mereka mengenai khasiat-khasiat minyak kelapa sawit bertujuan bukan sahaja membanteras fitnah-fitnah tersebut, bahkan menerangkan khasiat-khasiat sebenarnya.

Dalam tahun 1986, seminar seumpama ini telah diadakan di-Republik Korea, Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom, Republik Rakyat China dan Republic Islam Iran dengan dihadiri oleh pegawai-pegawai Kerajaan negara-negara yang berkenaan, pengimport-pengimport, pedagang-pedagang, pengilang-pengilang dan pengguna-pengguna bahan minyak dan lemak.

Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan sebentar tadi, pihak Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia iaitu PORIM juga mengambil berbagai-bagai langkah di peringkat antarabangsa termasuk:

- (i) menerbitkan risalah-risalah menerangkan ciri-ciri minyak kelapa sawit yang menyumbang kepada kesihatan;
- (ii) menerbitkan pita video mengenai perkara ini untuk disebarikan secara lebih luas termasuk di kaca TV luar negeri;
- (iii) Pegawai-pegawai Khidmat Nasihat Teknikal PORIM dari masa ke semasa dihantar ke luar negeri untuk memberi penjelasan dan nasihat mengenai ciri-ciri teknikal dan keistimewaan minyak kelapa sawit Malaysia; dan
- (iv) menganjurkan kursus-kursus pengenalan minyak kelapa sawit untuk mendedah pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna di luar negeri terhadap aspek-aspek pengeluaran, pengilangan, pemerosesan, pengendalian, penyimpanan, penggunaan dan kebaikan minyak kelapa sawit Malaysia.

Untuk masa hadapan, Kementerian Perusahaan Utama akan terus merancang dan melaksanakan berbagai lagi langkah seperti melantik sebuah firma perhubungan awam yang ternama untuk menjaga dan meninggikan lagi prestasi minyak kelapa sawit Malaysia di kalangan pengguna-pengguna antarabangsa.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada, Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari usaha-usaha yang telah disebutkan tadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yakin bahawa usaha-usaha tersebut telah dapat meyakinkan dunia luar akan mutu minyak kelapa sawit kita? Jika **ada**, apakah tanda-tandanya?

Dato' Radzi bin Sheikh Abmad : Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan kita percaya penuh bahawa - segolongan besar pengguna-pengguna di luar negeri telah yakin dan menyambut baik akan mutu dan kebaikan minyak kelapa sawit Malaysia. Sekarang ini kita mengeksport minyak kelapa sawit Malaysia ke negara-negara asing yang bilangannya di antara 69 atau 70 buah negara, termasuk negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat. Oleh sebab untuk sukar kita mencari ukuran bagi kejayaan **ini**, mungkin kalau kita lihat dari angka-angka eksport minyak kelapa sawit daripada tahun-tahun kebelakangan **ini**, ini boleh meyakinkan kita bahawa usaha kita ini telah sedikit-sebanyak berjaya.

Pada tahun 1984, kita telah mengeksport 3.18 juta tan metrik minyak kelapa sawit, pada tahun 1985 dinaik pada 3.43 juta tan metrik dan pada tahun 1986 ia meningkat terus pada 4.55 juta tan metrik. Ini satu bukti yang ternyata bahawa Kerajaan berasa yakin

kegunaan dan kebenaran kebaikan minyak kelapa sawit diterima oleh dunia keseluruhannya.

Dr. Nordin Selat: Soalan tambahan. Mungkin juga fitnah-fitnah ini terbit daripada orang kita sendiri sebab saya difahamkan banyak pegawai-pegawai utama PORIM, juga getah, yang menjadi consultant bagi negara-negara lain. Jadi, kalau ini betul-betul berlaku, bermakna ini satu penderhakaan, satu yang unethical, minta izin. Jikalau betul, saya rasa kita harus mengambil tindakan, Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jelas, saya rasa harus dikaji tentang hal ini, betul atau tidak sama ada pegawai-pegawai tertinggi yang menjadi consultant bagi negara asing.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada soalan tambahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi untuk saya hendak menjawab dengan pastinya dalam Dewan yang mulia ini amatlah sukar sebelum saya mendapat maklumat yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, inginalah saya menegaskan di sini bukanlah bermakna terdapat fitnah-fitnah yang disebarkan oleh orang-orang kita sendiri yang menyebabkan negara-negara lain mengambil tindakan untuk memburukkan imej minyak kelapa sawit Malaysia. Tetapi yang sebenarnya saya faham bahawa kita sendiri, negara kita sendiri, tidak begitu memahami tentang khasiat-khasiat yang terdapat dalam minyak kelapa sawit dan dalam perkara ini Kementerian Perusahaan Utama telah mengambil tindakan untuk memperkenalkan dengan seluas-luasnya dan sedalam-dalamnya tentang khasiat yang didapati dalam minyak kelapa sawit kepada pengguna-pengguna negara kita sendiri. Walaupun kita tahu bahawa dari hasil pengeluaran kita

lebih kurang 4.5 juta tan satu tahun tidak mampulah negara kita yang mempunyai hanya 15 juta penduduk untuk makan semua **ini**. Tetapi kita sendiri harus memahami khasiatnya sebelum kita boleh menjadi ambassador yang sebenar menjual minyak kelapa sawit kita kepada negara-negara asing ataupun sebagai pelawat-pelawat ke negara-negara yang kita mengunjungi. Di atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, saya mohon untuk mendapat maklumat yang lebih jelas lagi.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Soalan tambahan, Adakah fitnah ini juga datangnya daripada rancangan Zionis untuk melemahkan ekonomi negara ini? Sila jawab.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita belum pasti dalam perkara **ini**. Jadi, saya tidak ada bukti-bukti untuk memberi keyakinan kepada saya menjawab soalan ini dengan tepat di Dewan ini.

HOSPITAL UNIVERSITI DAN UNIVERSITI MALAYA - PENTADBIRAN**13. Tuan Haji Jaafar bin: Yang Dipertua**

apakah perbezaan-perbezaan di antara pentadbiran Hospital Universiti dengan pentadbiran Hospital Besar Kuala Lumpur atau Hospital-hospital yang lain di negara ini. Apakah tujuan asas Kerajaan menubuhkan Hospital Universiti ini dan bila ditubuhkan dan jumlah perbelanjaan. Berapa orangkah kakitangan Hospital ini dan apa pula keistimewaan-keistimewaannya dengan hospital-hospital lain. Nyatakan berapakah jumlah bilangan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di hospital itu dalam tahun 1984, 1985 dan 1986.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi pentadbiran, Hospital Universiti, Universiti Malaya berbeza dengan hospital-hospital yang lain, oleh kerana ia merupakan sebuah badan berkanun yang ditadbirkan oleh suatu Lembaga Pengurus dan diletakkan di bawah tanggungjawab Universiti Malaya.

Hospital Universiti ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan bagi pelajar-pelajar, pegawai-pegawai perubatan dan pensyarah-pensyarah Fakulti Perubatan Universiti Malaya dalam bidang perubatan.

Hospital ini dibuka dengan rasminya pada 5hb Ogos, 1968 dan perbelanjaan pembinaannya ialah sebanyak \$30,720,000. Kakitangan hospital ini pada tahun 1986 adalah seramai 2,638 orang.

Keistimewaan hospital ini ialah ia merupakan pusat rujukan utama untuk pesakit-pesakit dari seluruh Malaysia. Perkhidmatan hariannya diberikan oleh dua golongan kakitangan. Golongan yang pertama ialah mereka yang dilantik oleh Lembaga Pengurus Hospital dan mereka ini ialah kakitangan Hospital Universiti.

Golongan kedua ialah kakitangan Fakulti Perubatan yang terdiri dari Professor-professor dan Pensyarah-pensyarah. Khidmat kepakaran di berikan oleh pihak-pihak Professor dan Pensyarah ini.. Selain dari **itu**, satu lagi- keistimewaan hospital ini ialah ia tidak mempunyai sistem kelas seperti yang terdapat di hospital-hospital yang lain.

Jumlah pesakit yang mendapat rawatan di hospital ini dari tahun 1984 sehingga 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil, Pesakit
1984	269,981
1985	294,560
1986	315,373

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 61 adalah diberi di Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986) 1987****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang: (.2hb Mac, 1987).

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.,
3.34ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung jawapan yang saya sedang berikan sebelum Dewan kita tamat pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha tempatan yang kecil tidak dapat menswastakan perkhidmatan mereka seperti yang saya katakan semalam oleh kerana perkhidmatan ini adalah terlalu kecil.

Mengingat teguran ada pekerja-pekerja Majlis Perbandaran yang ponteng atau lain-lain masalah, saya inginlah mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini supaya kejadian-kejadian yang tidak baik seperti ini di bangkitkan dalam Majlis Perbandaran yang berkenaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya dasar sumbangan bantu kadar, dengan izin, grant in aid of rates, dikaji semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dasar sumbangan bantu kadar ini adalah merupakan perkara yang telah ditetapkan di dalam Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan. Dan Perkara 156 ini menyatakan dan saya petik:

"Jika tanah, bangunan atau hereditamen adalah diduduki bagi maksud-maksud awam atau bagi pihak Persekutuan, sesuatu Negeri. atau sesuatu pihak berkuasa awam, maka Persekutuan Negeri atau pihak berkuasa awam tidak bertanggung membayar kadar tempatan mengenai tanah atau bangunan itu atau hereditamen itu tetapi. bagi membantu pembayaran kadar-kadar itu. hendaklah memberi sumbangan terhadapnya sebanyak yang dipersetujui. antara Persekutuan, Negeri. atau pihak berkuasa awam mengikut mana yang berkenaan, dengan pihak yang berkuasa yang melebihi kadar-kadar itu atau, sekiranya tiada apa-apa persetujuan, sebanyak yang ditetapkan oleh tribunal yang terdiri dari- pada pengerusi Tribunal Tanah yang ditubuhkan di bawah Perkara 87, yang akan mengetuai., dan dua orang ahli. lain, seorang ditantik oleh satu pihak dan seorang oleh pihak yang satu lagi. itu."

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna pembayaran sumbangan bantu kadar oleh pihak Perbendaharaan Negeri atau pihak berkuasa awam adalah bergantung kepada jumlah tanah atau bangunan yang diduduki. bagi maksud-maksud awam di dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

Walau bagaimanapun, Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah memberikan pengecualian dari dikenakan kadar ke atas sesuatu pegangan atau mana-mana bangunan yang digunakan semata-mata sebagai., (i) tempat awam untuk sembahyang; (i.i) tanah perkuburan atau crematorium awam yang berlesen; (iii.) sekolah awam; dan (i.v) tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni. halus dan bukan untuk mendapatkan keuntungan wang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam juga beberapa perkara telah dibangkitkan lagi. termasuk di bawah Kementerian Penerangan yang saya telah menyatakan bahawa sebenarnya peruntukan yang dipinta di bawah Kementerian ini adalah untuk tanda sahaja,, Walau bagaimanapun saya rasa perlu jugalah saya raemberi. sedikit: penjelasan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan dari Ahli-ahli, Yang Berhormat.

Tuan. Yang di-Pertua, pihak Kementerian Penerangan sememangnya sentiasa mengawasi dan menentukan supaya iklan-iklan yang ditayangkan melalui Televisyen Malaysia dapat memberikan gambaran yang baik kepada cara hidup dan masyarakat negara ini..

Selain daripada dapat menggambarkan masyarakat berbilang kaum dan budaya, iklan-iklan ini. juga secara tidak langsung menggambarkan masyarakat yang sejahtera dan bersatu-padu, misalnya dalam iklan-iklan yang menggambarkan rumahtangga yang membawa mesej kebahagiaan keluarga. Dalam iklan yang menggambarkan kanak-kanak, ia adalah terdiri daripada kanak-kanak semua kaum manakala di setengah-setengah iklan yang lain pula pelakonnya adalah menggambarkan orang-orang atau paras muka yang boleh mewakili semua kaum.

Satu pertanyaan ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin mengenai alat pandang dengar yang sepatutnya dibekalkan kepada penceramah-penceramah di majlis-majlis sivik sukalah saya menyatakan bahawa Jabatan Penerangan memang ada membekalkan alat pandang dengar yang kita panggil "Phillips Charge" dengan izin, kepada pegawai-pegawainya semasa memberi ceramah di majlis-majlis kegiatan Jabatan Penerangan. Tetapi suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa alat~alat tersebut belum mencukupi lagi. Jabatan Penerangan bersama~sama Kementerian Penerangan sedang mengambil tindakan untuk menambah peralatan itu lagi.

Berhubung dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, khususnya tentang bilangan kakitangan di Jabatan Penerangan, sukalah saya memaklumkan bahawa sememangnya bilangan kakitangan di Jabatan Penerangan ini masih tidak mencukupi lebih-lebih lagi pengambilan kakitangan baru telah dibekukan oleh Kerajaan. Namun demikian usaha sedang dibuat untuk mengambil kakitangan baru termasuk pegawai-pegawai penerangan kumpulan A yang mana sekarang ini telahpun dikeluarkan iklan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 15hb .Mac yang lalu.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan berhubung dengan tayangan wayang gambar oleh Unit-unit Bergerak Jabatan Penerangan yang tidak mendapat sambutan orangramai, saya berpendapat bahawa ini tidaklah 100% benar. Kita

perhatikan bahawa sambutan masih ada bergantung kepada jenis-jenis filem yang ditayangkan. Untuk mendapat sambutan yang baik daripada orangramai itu, 'Jabatan Penerangan sedang menyewa filem-filem dalam Bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil termasuk filem Hindustani untuk ditayangkan kepada masyarakat umum. Setakat ini filem-filem sewa yang ditayangkan ini mendapat sambutan yang kita anggap menggalakkan.

Berhubung dengan teguran yang mengatakan bahawa RTM tidak sensitif terhadap cadangan atau teguran yang dibuat oleh orangramai sukalah saya memaklumkan bahawa ini juga kurang tepat kerana pada kelazimannya Kementerian Penerangan dan juga RTM memang sentiasa mengambil teguran-teguran yang disuarakan oleh pendengar-pendengar ataupun penonton-penonton sama ada yang disampaikan terus kepada Kementerian ataupun RTM ataupun melalui tulisan-tulisan dalam akhbar-akhbar. Bagimanapun pihak Kementerin juga mengadakan kajian kegemaran penonton dari semasa ke semasa dan kajian adalah lebih menyeluruh kerana ianya meliputi berbagai golongan penonton TV. Oleh yang demikian, keputusan berkaitan dengan masa dan jenis rancangan yang disiarkan adalah berasaskan kepada pendapat-pendapat daripada kajian yang menyeluruh dan tidak semestinya satu~satu program itu memberi kepuasan kepada semua penonton.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, percayalah bahawa pihak RTM .sentiasa mengalu-alukan teguran-teguran dan cadangan mengenai rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM ini.

RTM sentiasa menghormati keseleraaan penonton-penonton. Sekiranya terdapat unsur-unsur yang dianggap merendahkan mutu rancangan berkenaan, maka pihak RTM akan sentiasa mengkaji semula rancangan-rancangan berkenaan.

Berhubung dengan cadangan supaya siaran Warta Dunia dipanjangkan lagi daripada 15 minit seperti yang ditayangkan pada ketika ini suka saya menyatakan bahawa agak sukar untuk dipanjangkan daripada yang sedang dibuat sekarang ini kerana tidak mencukupi bahan-bahan yang diterima dari luar negeri yang difikirkan berfaedah untuk disiarkan melalui RTM kita.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang rancangan-rancangan tempatan yang diterbitkan oleh RTM dan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan berpendapat bahawa ianya hendaklah dimasukkan lebih lagi latar belakang yang ada kaitan dengan masyarakat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya bagi rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh RTM sememangnya berasaskan kepada latar belakang dan keadaan masyarakat negara ini. Tetapi bagi filem-filem yang diimport yang diterbitkan oleh negara-negara lain maka sudah tentulah filem-filem tersebut berdasarkan kepada latar belakang ataupun cara hidup negara berkenaan. Bagaimanapun rancangan-rancangan tersebut selalunya ditapis sebelum ianya ditayangkan supaya perkara-perkara yang tidak bersesuaian dengan kebudayaan kita tidak ditayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara yang saya hendak sebutkan, walaupun demikian inginlah saya memaklumkan sepatutnya perkara ini tidak perlu dijawab oleh sebab tidak ada langsung kaitannya dengan Belanjawan **ini**. Walau bagaimanapun oleh kerana Yang Berhormat Senator M. Sangaralingam berusaha-usaha benar mengatakan perkara **ini**, maka saya fikir terpaksa jugalah saya mengrespond kepada hujah-hujah yang beliau sampaikan - yakni berkaitan dengan masalah-masalah sayur-sayuran di Cameron Highland yang mana Yang Berhormat tersebut telah menyatakan oleh sebab makan sayur dari Cameron Highlands, Yang Berhormat berkenaan lebih sihat daripada kita semua. Saya memang lihat dia besar orangnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pihak Kementerian Pertanian sedang mengatur beberapa langkah positif ke arah mengatasi masalah sisa baki racun kulat serta sisa baki racun makhluk perosak yang lain di atas sayur-sayuran yang ditanam di Cameron Highlands ataupun di tanah pamah.

Langkah-langkah ini., Tuan Yang di-Pertua, termasuklah langkah-langkah untuk mempergiatkan lagi, perkhidmatan pembangunan pertanian dengan menggunakan kaedah-kaedah baru seperti menyediakan plot-plot pertunjukan bagi faedah para pekebun sayur dan kaedah-kaedah untuk merapatkan lagi perhubungan di antara Pegawai Pengembangan dengan pekebun-pekebun sayur. Dalam pada itu Kementerian Pertanian akan membina sebuah makmal di Cameron Highlands yang akan dapat menganalisa sample-sample sayur bagi mengenalpasti sisa baki makhluk perosak yang bermasalah. Penyelidikan ke atas jenis makhluk perosak yang lain, khususnya bagi racun-racun kulat yang lain sebagai alternatif kepada racun kulat EDB sedang juga diteruskan. Tuan Yang di-Pertua, ada ejaannya di sini., tetapi saya tidak pandai menyebutkannya,

Walaupun setakat ini, sudahpun dikenalpasti racun-racun kulat lain yang kurang merbahaya. Adalah diharapkan semoga melalui langkah-langkah ini para pekebun sayur akan mematuhi peraturan-peraturan mengenai penggunaan hak-hak maksimum racun makhluk perosak. Dalam pada itu penguatkuasaan Akta Makanan 1985 oleh Kementerian Kesihatan pada 1hb April, 1987 akan juga membantu usaha-usaha Kementerian Pertanian yang mana cuma mereka yang didapati menggunakan paras racun makhluk perosak yang tinggi akan didakwa di Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak timbulnya masalah ini Kementerian Pertanian serta Kementerian Kesihatan sedang menjalankan analisa harian ke atas sample sayur-sayuran yang di kutip daripada punca-punca pengeluaran serta penjualan dan adalah diperhatikan bahawa sisa baki racun kulat EDB ini telahpun berkurangan, walaupun masih tinggi sedikit bagi beberapa jenis sayur-sayuran tertentu.

Maklumat-maklumat mengenai sisa baki. ini dipanjangkan kepada pihak media massa untuk disebarikan kepada orang ramai dan juga digunakan oleh pegawai-pegawai pembangunan pertanian untuk tujuan menggiatkan lagi pembangunan. Adalah diharapkan bahawa dengan adanya kerjasama daripada pihak pekebun sayur, masalah **ini**, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat diatasi dengan seberapa segera yang boleh.

Kementerian Pertanian menerusi FAMA akan mengadakan kempen-kempen untuk meningkatkan lagi permintaan sayur-sayuran tempatan, khususnya daripada kawasan Cameron Highlands memandangkan bahawa analisa yang telah dijalankan sehingga ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa sayur~sayuran yang sisa baki racun kulat adalah di bawah paras yang dibenarkan. Mengenai bantuan kewangan kepada para pekebun sayur, Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian menerusi Bank Pertanian Malaysia sedang berusaha untuk membent bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya rasa itulah perkara~perkara yang hendak saya sebut di dalam usaha memberi penjelasan-penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan usul berkaitan dengan tambahan peruntukan bagi tahun 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada juga beberapa hujah-hujah, pandangan-pandangan, teguran-teguran serta pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli -Yang Berhormat yang mana saya tidak menjawab secara khusus, tetapi barangkali saya telah menjawabnya apabila menjawab bahan-bahan ataupun hujah-hujah, pandangan-pandangan serta pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Di dalam konteks peruntukan seksyen 24(b) yang ada sekarang, seseorang boleh mendakwa bahawa Mahkamah Tinggi di Malaysia hanya boleh mengambil tindakan-tindakan ke atas kes-kes di mana Mahkamah Tinggi di United Kingdom boleh mengambil tindakan seperti penahanan dan penangkapan ke atas kapal yang berada di dalam perairan United Kingdom. Kekeliruan ini terjadi apabila Administration of Justice Act 1956 telah dimansuhkan dan diganti dengan United Kingdom § Court Act 1981, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan seksyen 24(b) ini terpaksa dipinda apabila kemansuhan Akta United Kingdom tersebut kerana ini bergantung kepada Akta tersebut dan apabila pindaan dibuat, kekeliruan ini telah terjadi. Tujuan sebenar seksyen 24(b) ialah Mahkamah Tinggi Malaysia boleh menahan dan menangkap kapal-kapal yang berada di dalam perairan Malaysia sebagaimana Mahkamah Tinggi di United Kingdom boleh menahan dan menangkap kapal-kapal yang berada di dalam perairan United Kingdom. Dengan itu seksyen 24(b) perlulah dipinda sebagaimana yang terdapat di dalam. Rang Undang-undang yang dicadangkan.

Kekeliruan yang kedua yang terdapat di dalam Akta Mahkamah Kehakiman ialah di atas tafsiran seksyen 68(1)(a) dengan apakah yang dimaksudkan dengan nilai hal perkara sebanyak \$100,000 di mana seseorang itu boleh membuat rayuan daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung tanpa apa-apa kebenaran. Ada mahkamah yang mentafsirkan bahawa nilai sebanyak \$100,000 itu termasuk faedah yang diberikan oleh mahkamah dan ada pula yang mentafsirkan sebaliknya. Untuk mengatasi kekeliruan dan keraguan yang timbul, seksyen 68(1)(a) perlulah dipinda dengan membuat peruntukan bahawa nilai sebanyak \$100,000 itu 'ttidak termasuk faedah atau, dengan izin, interest yang telah diberikan oleh mahkamah.

Seksyen 28(1) membuat peruntukan menghadkan nilai tuntutan sivil di mana sesuatu rayuan itu boleh dibuat daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi. Had yang sedia ialah sebanyak \$5,000. Oleh kerana dicadangkan supaya bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Rendah dinaikkan, maka perlulah pula had nilai

tuntutan di mana sesuatu rayuan itu boleh dibuat dari Mahkamah-mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi dinaikkan. Adalah dicadangkan supaya had sebanyak \$5,000 itu dinaikkan kepada \$10,000. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak bagi Akta Kehakiman dipinda:

- (a) Untuk menjelaskan peruntukan 24(b) dan 68(1)(a) agar kekeliruan tidak akan timbul lagi di dalam perkara-perkara **ini**; dan
- (b) Had nilai tuntutan sivil di mana rayuan boleh dibuat daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali. yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.04 ptg.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, Ahli~ahli Yang Berhormat, saya ingin memberitahu beberapa perkara tentang Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkaraah Kehakiman, 1964 dan keadilan pentadbiran.

Penjelasan dalam Huraian mengenai Fasal 2 ialah akibat pindaan sejak Akta Pentadbiran Keadilan, 1956 United Kingdom telah digantikan oleh Akta Mahkamah Agung United Kingdom, 1981. Pindaan ini hanya bersabit dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi dalam perkara, dengan izin, admiralty. Mengikut pendapat saya, ia adalah bagus untuk menerangkan bidang kuasa dalam perkara admiralty bagi Mahkamah Tinggi dan bukan hanya bergantung ke atas undang-undang Inggeris sepenuhnya.

Merujuk fasal 3, Rang Undang-undang ini cuba membatasi rayuan sivil dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Tinggi di mana pertikaian atau nilai hal perkara ini tidak melebihi \$10,000 kecuali persoalan undang-undang. Bila Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 dikuatkuasakan, seksyen 28 telah membatasi rayuan yang melibatkan \$100 ke bawah. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1975 (Akta A279) di mana telah dikuatkuasa pada 1hb Januari, 1975, menghalang rayuan sivil di mana harga nilai jumlahnya \$5,000 ke bawah. Di samping itu, Akta Mahkamah Keadilan (Pindaan), 1982' (Akta A530) di mana telah dikuatkuasakan pada 19hb Februari, 1982 meningkat angkanya ke \$5,000. Rang Undang-undang ini mencuba meningkat angka ke \$10,000.

Dengan peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi dan pembangunan yang cepat terdapat banyak kes~kes didaftarkan di Mahkamah Majistret di mana jumlah pertikaian atau nilai hal perkara talah \$10,000 ke bawah. Buat masa kini bidang kuasa sivil bagi Mahkamah Majistret telah ditetapkan pada \$10,000. Walaupun ada cadangan pindaan untuk meningkatkan bidang kuasa sivil di Mahkamah Majstret ke \$25,000 kebanyakannya adalah kes sivil yang kurang dari \$10,000 nilaiannya.

Pada pandangan saya untuk membatasi rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam kes di mana hal perkara kurang dari \$10,000 adalah dinafikan keadilan kepada kebanyakan orang. Kebanyakan majistret yang bertauliah atau dilantik adalah baru keluar dari universiti-universiti. Mereka semuanya muda dan kurang pengalaman. Kita tidak boleh mengatakan keputusan yang diberikan oleh mereka adalah adil dan betul, sedangkan keputusan atau hukuman dari hakim-hakim Mahkamah Tinggi telah ditolak oleh Mahkamah Agung. Majistret-majistret boleh melakukan kesalahan. Jika menafikan rayuan ke Mahkamah Tinggi ini akan menafikan keadilan kepada para pertanding. Huraian tidak memberi apa-apa alasan mengapa angka ini dinaikkan. Saya tidak menyokong pindaan ini. Saya bercadang buat masa sekarang angka sebanyak \$5,000 dikurangkan ke \$1,000 atau membenarkan rayuan seperti ini untuk didengar oleh Mahkamah Seksyen,

Fasal pada Rang Undang-undang cuba membatasi rayuan ke mahkamah Agung dari Mahkamah Tinggi ke \$100,000 tidak termasuk faedah atau bunga. Bidang kuasa sivil untuk Mahkamah Seksyen akan meningkat ke \$100,000. Ini tidak perlu dipindahkan. Walau bagaimanapun, perenggan ini perlu digantikan dengan perenggan yang baru untuk membatasi rayuan yang wujud dari bidang kuasa rayuan bagi Mahkamah Tinggi kecuali pada soalan undang-undang dan ini tidak harus dibatasi pada rayuan yang wujud dari bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi. Ini barulah patut.

Akta Mahkamah Keadilan (Pindaan) 1984 (Akta A600) di mana telah dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1985 telah membatalkan Bahagian IV dari Akta itu dan menafikan rayuan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kecuali kes-kes yang menunggu. Sebenarnya ini adalah rayuan Kepada Jawatankuasa Kehakiman bagi Privy Council di London. Sekarang ia tidak boleh membuat rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Mahkamah Agung ialah mahkamah yang terakhir untuk merayu. Saya tidak menyatakan bahawa Hakim-hakim Mahkamah Agung tidak berupaya menyuarakan keputusan, tetapi boleh melakukan kesalahan dan pendakwa ini tidak dapat melanjutkan untuk mendakwa kesnya.

Kes seperti ini yang kalah akan ditinggalkan tanpa apa-apa penawar. Saya berpendapat, Kerajaan harus menitikberatkan pembentukan satu Mahkamah Rayuan di antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung. Mahkamah Rayuan seperti ini boleh mendengar rayuan dari Mahkamah tinggi dan Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat jelas bahawa waktu Mahkamah Tinggi yang berharga banyak dibazirkan dalam perbicaraan yang berpanjangan yang kebanyakannya melibatkan kes pengedaran dadah dan senjata. Ini menyebabkan banyak penangguhan kes. Dalam beberapa kes yang kena tuduh dikenakan tahanan melebihi lima tahun. Dalam beberapa kes, selepas tahanan masa panjang tertuduh dibebaskan dan dilepaskan dan menyebabkan ini akan menyalahgunakan keadilan. Di sana juga terdapat banyak penangguhan kes siyil yang masih menunggu perbicaraan. Saya bercadang satu langkah sementara yang wajar iaitu melantik Pesuruhjaya Kehakiman untuk menyempurnakan kes-kes tangguh.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap? Kalau tiada, dijemput Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Valli Muthusamy yang menyatakan keadilan untuk merayu iaitu jumlah nilai untuk merayu dimulakan \$5,000 kepada \$10,000 sahaja.

Pada masa ini Majistret yang mengendalikan kes-kes. itu adalah Pengerusi Undang-undang yang berjaksa.

Tambahan bidang. kuasa ini. di selaraskan dengan tambahan bidang kuasa Majistret dari. \$10,000 kepada \$20,000. Kes-kes yang terlibat adalah hanya melibatkan faktor-faktor dan bukan undang-undang dan biasanya pihak rakyat jelata tidak dihalang oleh hakim.

Mengenai. bekalan kuasa Majistret ditambah \$5,000 sampai \$20,000 di. dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari. ini. ada Rang Undang-undang Mahkamah Rendah hendak menaikkan kuasanya. Kalau Ahli Yang Berhormat baca Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dalam Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) (Kertas DR.2/1987), untuk menaikkan kuasa pihak Magistret membicarakan kes \$5,000 sampai. \$25,000.

Itulah sahaja yang saya hendak jawab berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli.-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi. diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini. di.bacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di.-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian dari Undang-undang.

Rang Undang-undang di.laporkan dengan tidak ada pindaan, kan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang kedua dan Ketiga****4,15 ptg.**

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Ordinan Keretapi (Pindaan) 1987 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Keretapi 1948. Pindaan kepada Ordinan Keretapi 1948 ini adalah bertujuan untuk mengadakan beberapa peruntukan bagi membolehkan Keretapi Tanah Melayu diswastakan kerana pada masa ini Ordinan tersebut tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan sedemikian.

Pindaan yang dicadangkan ini akan memastikan bahawa pelaksanaan penswastakan Keretapi adalah berasaskan kepada peruntukan perundangan yang sah. Keputusan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu telah dibuat di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986 yang lalu. Kementerian Pengangkutan sedang mengenalpasti cara-cara yang sebaik-baiknya menswastakan KTM antaranya ialah melantik sebuah bank saudagar untuk menjalankan kajian bagi maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rasional di sebalik penswastakan agensi-agensi Kerajaan adalah untuk menambahkan kecekapan, produktiviti, dan memberi khidmat yang lebih baik di samping mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Pada masa sekarang KTM menanggung perbelanjaan

pengurusan dan pembangunan yang besar seperti membayar gaji kakitangan yang seramai lebih kurang 8,600 orang dan belanja pembangunan seperti pembelian rolling stock, pemuliharaan landasan dan lain-lain.

Walaupun KTM tidak pernah meminjam daripada Perbendaharaan untuk membayar gaji dan lain-lain kemudahan kepada kakitangannya, KTM membiayai atau menanggung perbelanjaan-pembelanjaan pembangunannya melalui pinjaman luar dari Kerajaan. Cadangan penswastaaan KTM adalah pilihan yang sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah kewangannya yang kian meruncing di samping mewujudkan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan barangan yang lebih cekap, selamat dan berekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Ordinan Keretapi, 1948 ini, adalah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) Seksyen baru 4A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada pentadbiran Keretapi, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan bagi menceburi bidang~bidang perniagaan dan perdagangan dengan mana-mana syarikat yang difikirkan boleh memberi keuntungan kepada Keretapi Tanah Melayu.
- (2) Seksyen baru 12A adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri bagi membuat arahan berbentuk am kepada pentadbiran Keretapi Tanah Melayu *ber-*hubung dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan negara.

- (3) Seksyen baru 39B adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri untuk memberi kuasa kepada atau melesenkan mana-mana syarikat bagi menjalankan mana-mana aktiviti. Keretapi Tanah Melayu.
- (4) Seksyen baru 41A adalah bertujuan bagi menghendaki mana-mana syarikat yang telah diberi kuasa atau dilesenkan di bawah Ordinan mengemukakan memorandum berkenaan dengan perubahan struktur tambang, kadar dan lain-lain kepada pentadbiran Keretapi. Tanah Melayu untuk kelulusan Menteri..
- (5) Seksyen baru 122A pula adalah bertujuan memberi kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perdana Menteri semasa berlakunya darurat mengambilalih perkhidmatan keretapi. bagi menjaga kepentingan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang disebutkan ini. adalah perkara-perkara yang akan di.pinda dalam Ordinan Keretapi 1948. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Akta Keretapi (Pindaan) 1987 ini tidak melibatkan perbelanjaan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.23 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini ialah bersama-sama membincangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini ada dua perkara besar yang saya perhatikan.

Satu, adalah berhubung dengan untuk diswastakan kepada mana-mana pihak yang tertentu. Ini tertakluk di dalam seksyen 39B baru, iaitu bagi memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri untuk memberi kuasa kepada atau melesenkan mana-mana syarikat atau orang bagi menjalankan mana-mana aktiviti Keretapi Tanah Melayu, selain daripada yang dimaksudkan tadi. **ber-**tujuan untuk diswastakan.

Yang kedua berhubung dengan memberi kuasa kepada Menteri. ataupun Pentadbiran Keretapi. Dalam masalah memberi kuasa kepada Menteri dan Pentadbiran Keretapi, ini terdapat dalam seksyen 4A baru, iaitu memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan bagi menceburi dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan, dan lain-lain dengan mana-mana orang atau menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan pengembangan mana-mana syarikat.

Selain daripada yang dijelaskan kuasa di beri kepada Menteri dan Pentadbiran Keretapi, seperti yang terdapat di dalam seksyen 4A, juga diberi kuasa kepada Menteri yang terdapat di dalam seksyen 12A baru, dan begitu juga kepada seksyen 41A baru. Dan selain daripada itu terdapat di dalam seksyen 122A **ini** ialah berhubung dengan memberi kuasa khas kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang

diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri dalam hal berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam.

Dalam masalah Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, saya sedar barangkali orang ramai pun sedar terutama sekali kebelakangan ini kita memang mengetahui. Perkhidmatan Keretapi ini selalu mendapat kerugian dari semasa ke semasa dan dijelaskan untuk menampung **per-**belanjaan seperti gaji pekerja, pemulihan landasan dan sebagainya, mendapat pinjaman daripada Kerajaan sendiri.

Kalau kita perhatikan dalam masalah Perkhidmatan Keretapi. **ini**. agak kita boleh bahagikan kepada dua pengangkutan yang besar.

Satu, berhubung dengan pengangkutan barang-barang dan bahan-bahan mentah. Jadi barang-barang dan bahan-bahan mentah ini seperti, kayu balak, simen, petrol, diesel dan sebagainya. Itu kita boleh iktiraf atau kumpulkan di dalam suatu kumpulan mengangkut bahan-bahan atau barang-barang mentah. Selain daripada itu kita boleh takrifkan untuk pengangkutan orang ramai dari satu tempat ke satu tempat.

Saya perhatikan dari segi Perkhidmatan Keretapi ini sama ada pengangkutan bahan-bahan mentah, barang-barang ataupun orang ramai agak semakin lama semakin berkurangan. Jadi menyebabkan pengangkutan barang-barang dan orang ramai tadi semakin berkurangan, dengan tidak secara langsung pendapatan keretapi telah berkurangan dari semasa ke semasa.

Sekarang kita harus mengkaji. apakah sebabnya pengangkutan keretapi ini semakin lama semakin berkurangan, terutamanya sekali. kita harus bincangkan kepada orang ramai, mengapakah orang ramai. kurang menaiki keretapi.? Pada hajat saya disebabkan perhentian keretapi. ini jauh daripada perkhidmatan bas dan teksi yang agak menyusahkan orang ramai untuk pergi. ke perhentian keretapi. Maka itulah yang menyebabkan orang ramai. agak tidak begitu ramai. untuk pergi menaiki keretapi daripada satu tempat ke satu tempat.

Sekiranya perhentian keretapi. ini. berhampiran dengan perhentian bas atau perhentian teksi, berkemungkinan besar orang ramai. memikirkan sekiranya mereka memerlukan menaiki. keretapi., maka boleh mereka menaiki keretapi. kerana perantaraan di antara perkhidmatan ataupun perhentian teksi. dan bas berhampiran dengan perhentian keretapi.

Selain daripada itu kita merasakan maklumat-maklumat, jadual-jadual perjalanan keretapi dari. semasa ke semasa ataupun di waktu pagi, di waktu petang, malam dan sebagainya tidak dapat diketahui dengan begitu jelas oleh orang ramai. Kadang-kadang kita hendak menentukan bilakah masanya keretapi. itu sampai. di. satu-satu perhentian agak sukar, jadi. ini yang menyebabkan orang ramai. kurang menaiki keretapi.

Selain daripada itu, kalau kita perhatikan berhubung dengan bahan-bahan mentah ataupun barang-barang yang hendak diangkut oleh keretapi, ini juga satu masalah yang diterima oleh orang-orang yang hendak membawa bahan-bahan mentah mereka daripada satu tempat ke lain tempat dengan menaiki keretapi kerana perjalanan keretapi ini melalui landasan yang ditentukan, mereka tidak boleh lalu di jalan-jalan yang tidak ada **rel**. Dengan sebab **itu**, sekiranya kalau ada bahan-bahan mentah seperti yang saya jelaskan tadi, seperti kayu balak hendak dibawa dengan keretapi. mestilah satu kenderaan lain daripada tempat ataupun peletakan balak itu dibawa ke perhentian keretapi.. Begitu juga lain-lain bahan mentah seperti simen, petrol dan sebagainya mesti ada satu kenderaan lain lagi, sama ada lori dan sebagainya membawa barang-barang itu ke perhentian keretapi dan dibawa dengan menaiki keretapi dan sampai di satu perhentian yang tertentu, bahan-bahan itu mesti diambil oleh satu kenderaan yang lain dan dibawa ke tempat asal.

Jadi, dalam masalah apa yang saya jelaskan tadi kita boleh menjelaskan perkhidmatan keretapi ini tidak menjalankan satu perkhidmatan _ terus-menerus kerana kalau kita mengatakan satu perkhidmatan terus-menerus, misalnya kalau kita hendak pergi ke Kuala Lumpur daripada Melaka, kita naik teksi terus sampai ke rumah ataupun ke mana-mana yang kita hendak tuju. Itulah yang menyebabkan agak orang ramai ataupun bahan-bahan mentah untuk dibawa dengan melalui keretapi semakin lama semakin berkurangan, lebih-lebih lagi barangkali oleh sebab selalu berlaku tergelincirnya keretapi ini, itu akan mengurangkan orang ramai untuk menaiki keretapi itu Walau

macam manapun, dalam masalah ini. tidaklah menjadi soal besar kerana kalau kita menaiki lain kenderaan pun akan menerima juga masalah-masalah ini, tetapi yang saya jelaskan tadi perkhidmatan keretapi ini tidak dapat menjalankan perkhidmatannya terus-menerus dari satu tempat ke lain tempat.

[Lt. Kol. (B) Abdul Hamid **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab dalam masalah kita merasakan untuk memajukan perkhidmatan keretapi dari semasa ke semasa, maka di sini. saya suka menyarankan selain daripada hasrar Kerajaan untuk diswastakan keretapi. ini, barangkali kita tidak tahu bilakah masanya dalam masalah itu kita harus mengambil perhatian beberapa perkara supaya kerugian keretapi ini tidak bertambah dari semasa ke semasa. Satu di antaranya perlu pihak keretapi memikirkan cara bagaimana untuk menentukan perkhidmatan jadual perjalanan keretapi, terutama sekali bagi orang ramai dapat disebarkan dengan seluas-luasnya.

Misalannya, perkhidmatan keretapi daripada Kuala Lumpur hendak ke Singapura atau Kuala Lumpur hendak ke Pulau Pinang atau keretapi daripada Kuala Lumpur hendak ke Johor. Bahru sampai di perhentian Tampin pukul sekian dan sebagainya. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak pentadbir keretapi. sama ada maklumat-maklumat ini hendak disebarkan melalui suratkhobar-suratkhobar ataupun melalui siaran Radio dan Televisyen atau kita meletakkan papan-papan yang senang dibaca oleh orang ramai. sebagai papan-papan iklan yang menentukan jadual perjalanan keretapi. dari semasa ke semasa menentukan tiap-tiap perhentian keretapi itu dan masanya akan sampai.

Selain daripada itu, oleh sebab kita agak merasakan kerugian bertambah dari semasa ke semasa, perlu kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya dalam masalah keingian ini. adakah tertakluk di dalam perkhidmatan orang ramai ataupun perkhidmatan membawa barang-barang ataupun bahan-bahan mentah, Sekiranya perkhidmatan ini banyak merugikan dalam kita melaksanakan perkhidmatan orang ramai, maka perlu kita mengurangkan perkhidmatan orang ramai. ini. dari semasa ke semasa. Maksudnya, kalau kita di.jadual.kan dalam satu hari kita menggunakan keretapi orang ramai daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru, misalnya sebanyak tiga kali., kita boleh kurangkan satu atau dua kali supaya tidak membanyakkan perbelanjaan dari semasa ke semasa.

Begitu juga sekiranya kalau kita merasakan dalam masalah perkhidmatan **ini**. kita merugikan bagi. perkhidmatan membawa barang-barang atau bahan-bahan mentah, ini juga harus kita mengurangkan perjalanan daripada beberapa perjalanankah dikurangkan supaya perbelanjaan perkhidmatan yang kita melaksanakan perkhidmatan membawa penumpang-penumpang ataupun membawa bahan-bahan mentah ataupun barang-barang dapat dikurangkan dengan tidak secara langsung keramaian pekerja-pekerja keret:api dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu harus pihak keretapi kalau tidak dapat mengambil jalan lagi supaya kerugian ini agak tidak bertambah dari semasa ke semasa supaya mengambil kira perhentian keretapi itu harus dapat: di.dekatkan dengan perhentian bas ataupun perhentian teksi. Agak kalau kit:a hendak mengubah perhentian keretapi. ini berhampiran dengan perhentian bas atau teksi

agak sukar. Barangkali dalam rangka kita membuat sesuatu perhentian bas ataupun sesuatu perhentian teksi yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, maka ini perlu kita mengambil kira supaya perhentian bas ataupun perhentian teksi ini dapat didekatkan ataupun sedekat-dekatnya di antara perhentian keretapi. dengan perhentian bas dan teksi.

Elok saya jelaskan sekali lagi masalah perhentian keretapi ini agak sukar, tetapi untuk meletakkan atau merapatkan perhentian teksi ataupun perhentian bas boleh kita dekatkan dengan perhentian keretapi. Contohnya seperti perhentian keretapi di Kuala Lumpur. Sekiranya satu perhentian teksi ataupun perhentian bas yang agak jauh sedikit daripada perhentian keretapi, cuba ambil kira supaya perhentian ini dapat didekatkan atau seberapa dekat yang boleh supaya orang ramai boleh berfikir atau dengan berjalan kaki sahaja mereka boleh menaiki keretapi dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, memang minat Kerajaan untuk menswastakan keretapi ini. Kita rasa kalau kita telah agak rugi berjuta-jutra ringgit dalam setiap tahun, kalau kita merasakan kita memberikan pajakan ataupun memberikan sewaan atas nama swasta, sama ada sebulan \$1 ataupun setahun \$1, kalau tidak ada mana-mana pihak yang hendak melaksanakan perkhidmatan keretapi ini, harus kita mengambil kira dan membuat kajian yang sedalam-dalamnya sekiranya kalau ada di antara orang-orang ataupun mana-mana pihak untuk melaksanakan atau mentadbirkan perkhidmatan keretapi ini kita boleh memberikan sumbangan kepada mereka pada tiap-tiap tahun. Misalannya, kita boleh beri mereka pada tiap-tiap tahun \$100,000 supaya bermaksud

kerugian kita itu tidak bertambah dari semasa ke semasa dan kita boleh menilai sekiranya kalau kita menswastakan perkhidmatan keretapi ini, kita tidak begitu rugi.sebegitu banyak sekiranya kalau kita melaksanakan sendiri perkhidmatan keretapi itu,

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan di Dewan ini. Dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948. Terima kasih.

4.40 ptg.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita turut bersama-sama membahaskan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi. 1948 yang sebentar tadi. dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk membolehkannya menceburi dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan atau dalam kata lain untuk membolehkannya di swastakan.

Sebagai seorang dari Sabah, memang sedikit benar yang kita tahu tentang Keretapi Tanah Melayu ini. Kalau ada pun, apa yang kita baca dan tersiar di surat-surat khabar tentang beberapa kemalangan berlaku ke atas Keretapi Tanah Melayu dan kemalangan ini. tidak sahaja mengakibatkan kerugian yang besar tetapi. juga kerugian jiwa. Kemalangan ini kerap berlaku tetapi. sebab-sebab atau punca kemalangan itu berlaku amat sedikit diketahui oleh rakyat. Jawatan-kuasa yang menyiasat punca kemalangan tersebut, saya difahamkan tidak dapat menemui jawapan sebenarnya walaupun mengambil masa yang lama. Mungkinkah kemalangan itu disebabkan kerja-kerja membuat landasan yang tidak sempurna, tidak mengikut spesifikasi. atau menggunakan kayu atau sleepers yang tidak sesuai. atau kayu-kayu yang mempunyai had masa yang ia boleh digunakan tetapi. tidak diambil perhitungan; atau mungkinkah oleh perbuatan-perbuatan khianat dari anasir-anasir komunis; atau mungkinkah juga oleh ketidak kecekapan kakitangan atau pihak-pihak yang bertugas pada waktu itu? Saya rasa rakyat memang ingin mengetahui. jawapan sebenarnya punca-punca kemalangan itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Akta ini, kita berharap Keretapi Tanah Melayu ini tidak sahaja boleh memperolehi keuntungan, sebab memang itulah cita-cita dan tujuan Akta ini dipinda untuk menghindarkan daripada kerugian tetapi. selain daripada mencari keuntungan dapat berwaspada bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan daripada apa yang berlaku pada masa-masa yang telah lepas, dan di-harap juga sekiranya ia berjaya diswastakan, pengendaliannya akan bertambah sempurna dan memperolehi. keuntungan.

Andainya Keretapi Tanah Melayu berjaya diswastakan dan dapat disusun setnula struktur pentadbirannya tanpa membuat perubahan-perubahan tambang, upah dan sebagainya, seperti, peruntukan yang diberikan pada Seksyen 41A(3), pihak pentadbir hendaklah menitikberatkan sumbangan perkhidmatannya kepada rakyat di. samping memikirkan keuntungan yang adil untuk membolehkannya terus berkongsi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana saya katakan tadi, saya sedikit benar tahu tentang Keretapi Tanah Melayu ini.. Walau bagaimanapun itulah yang dapat saya sumbangkan dan suka saya mengambil kesempatan di. dalam perbahasan Akta ini. untuk menyentuh tentang tambang percuma keretapi. yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya tidak tahu berapa ramaiakah Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak yang pernah menggunakan kemudahan tambang percuma itu semasa menghadiri Persidangan Parlimen. Tetapi bagi- saya sendiri, kata bahasa Sabah, "kempunan", tidak berkesempatan langsung menggunakan kemudahan tersebut.

Tuan Yang di.-Pertua, suka saya mencadangkan kepada kerajaan supaya bagi- Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak - dan kalau boleh juga bagi. Ahli-ahli Parlimen seluruhnya dan jangan berkecil hati - tambang percuma menaiki Feri. Malaysia dapat di.berikan kepada

Ahli.-ahli Parlimen sama seperti. kemudahan yang diberi. ketika menumpang Keretapi Tanah Melayu jikalau mahu menjelajah Semenanjung. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini bukan perjuangan untuk kepentingan peribadi. atau kepentingan sendiri, tetapi. dengan kemudahan ini kita dapat menyumbangkan lagi integrasi nasional supaya Ahli-ahli Parlimen dari Semenanjung ini dapat peluang yang lebih luas untuk melawat Sabah dan mungkin dengan kemudahan yang diberikan ini, mereka dapat membawa sahabat handai, anak isteri ke Sabah dan begitu pula sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah pandangan saya mengenai suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948, ini., dan saya mohon menyokong.

4.47 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di.-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini .

Seperti. kita.sedia maklum, Rang Undang-undang ini. bertujuan memberi kuasa kepada pentadbiran Keretapi. dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri melesenkan mana-mana syarikat atau -orang bagi. menjalankan mana-mana aktiviti Keretapi. Tanah Melayu. Tindakan ini. adalah bersesuaian dengan polisl Kerajaan untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan agar ianya menjadi. lebih efektif dan efficient, dengan izin, sejajar dengan konsep Persyarikatan Malaysia.

Pada tahun lepas kita telah melihat dan merasai penswastan Jabatan Telekom dan setelah hampir setengah tahun baru penswastan ini dilaksanakan. Dalam 6 bulan ini, kita terdapat berbagai-bagai rungutan dan komen negatif terhadap perjalanan Syarikat Telekom ini..

Rungutan dan komen ini jelas membuktikan ada sesuatu yang tidak kena dalam pentadbiran Syarikat ini. walaupun pelan dan program dibuat hampir dua tahun dahulu.

Oleh yang demikian, saya berharap kita janganlah sangat ghairah menswastakan Keretapi Tanah Melayu dengan serta-merta. Kerajaan haruslah mengkajikeadaan dengan lebih mendalam lagi sebelum usaha penswastaaan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum, Keretapi Tanah Melayu telah mengalami kerugutan yang besar setiap tahun dan sehingga sekarang mempunyai hutang sebanyak \$839 juta. **Ini** adalah satu angka yang membimbangkan. Kerajaan hendaklah berusaha mengurangkan hutang ini agar dapat pihak swasta bersedia menerima penswastaaan Keretapi Tanah Melayu. Saya difahamkan sebahagian besar perbelanjaan tahunan meliputi pembayaran gaji kepada 8,600 pekerjanya. Keadaan ini adalah tidak sihat dan saya berpendapat Keretapi Tanah Melayu mempunyai dengan izin, excess staff dalam semua bidang pentadbirannya. Usaha hendaklah diambil untuk mengurangkan pekerja agar dapat menjimatkan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun KTM mempunyai 8,600 pekerja pada masa ini, jauh lebih daripada tahun-tahun 50an dan 60an,

lebih banyak kemalangan telah berlaku dan hampir setiap bulan ada pula satu kemalangan ,yang major ataupun minor.

Ini jelas membuktikan staff KTM sekarang kurang berkualiti walaupun kuantitinya banyak. Saya berharap KTM akan mengambil, langkah yang positif mendidik pekerja-pekerjanya supaya lebih berwaspada untuk meyakinkan orang ramai dan memberi keyakinan kepada mereka menaiki KTM. Kalau tidak, saya khuatir KTM akan terus mengalami kerugian pada masa.akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga KTM telah mengambil pinjaman yang begitu banyak dari Perbendaharaan Malaysia dan Bank Dunia bagi projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan KTM. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya memastikan pinjaman yang diambil oleh KTM ini ditanggung oleh syarikat menerima hak penswastaaan inl. Demikian juga saya berharap semua pekerja-pekerja KTM akan diserapkan dalam syarikat swasta KTM itu seperti yang di~lakukan oleh Syarikat Telekom Malaysia. Option dan pilihan hendaklah diberi kepada pekerja-pekerja KTM untuk memilih sama ada mereka terus ingin kekal bekerja dengan KTM ataupun berpindah kepada sebarang Jabatan Kerajaan lain ataupun dibersarakan. Ini akan memberi peluang kepada pekerjanya untuk menentukan nasib masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan asset ataupun harta KTM bernilai \$421 juta. Kebanyakan harta ini adalah dalam bentuk tanah yang diperuntukkan kepadanya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi tujuan dan syarat, dengan izin, 'railway purposes only'. Oleh yang demikian, saya

berharap Kerajaan akan mengambil langkah dan tindakan yang positif untuk berbincaag dengan Kerajaan-kerajaan Negeri mendapatkan tanah-tanah tersebut dan memulangkan miliknya tanpa syarat dan menjualkannya dalam pasaran terbuka. Ini akan dapat off setkan kerugian yang dialami oleh KTM selama ini dan dapat menarik sebarangorang yang ingin mengambalalih perjalanan KTM dengan penswastaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang persediaan-persediaan yang harus dibuat sebelum KTM diswastakan. Kajian hendaklah dibuat dengan mendirikan berbagai jawatankuasa untuk mengkaji aspek-aspek pentadbiran dan kewangan dengan sepenuhnya sebelum penswastaaan dilaksanakan. Ahli-ahli jawatankuasa ini hendaklah terdiri. dari, ada orang-orang yang benar-benar mempunyai minat ,dan pengetahuan dalam sektor pengangkutan Keretapi. Wakil-wakil Kesatuan Keretapi juga hendaklah diserapkan dalam jawatankuasa itu untuk mendapat pandangan pekerja. Dengan adanya wakil pekerja dalam jawatankuasa ini, berbagai rungutan pekerja dapat diatasi. Saya yakin dan percaya sebarang jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkaji kesesuaian penswastaaan ini akan merangkumi wakil-wakil pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kemalangan-kemalangan yang sering berlaku di landasan-landasan keretapi di negara ini, Baru-baru ini satu kemalangan seumpama ini telah berlaku yang mengakibatkan beberapa orang penumpang telah menlnggal dunia. Apa yang amat menyedih dan mengeciwakan adalah keluarga mangsa kemalangan keretapi ini tidak langsung diberi sebarang pampasan atau sebarang saguhati dari pihak berkenaan.

. Saya difahamkan pampasan atau saguhati ini tidak boleh diberi kerana penumpang keretapi tidak diinsurankan. Oleh yang demikian tidak layak menerima sebarang pampasan. Saya percaya ini adalah satu undang-undang kolonial dan patut diubahsuaikan dengan keadaan masa. Kerajaan hendaklah mencari jalan menginsurankan penumpang-penumpang keretapi supaya memberi keyakinan kepada mereka menaiki keretapi.. Oleh yang demikian, saya bercadang aspek wang insuran itu boleh diserapkan dalam tambang keretapi seperti dibuat oleh syarat penerbangan. Jika ini berlaku, saya percaya lebih banyak lagi orang akan menggunakan kemudahan awam yang baik ini. Dengan harapan ini saya dengan penuh menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Ordinan Keretapi 1948. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Sila Yang Berhormat Dato Tan Peng Knoon,

4.56ptg.

Dato' Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan atau perbahasan dalam Rang Undang-undang ini. Saya sokong Akta untuk meminda Ordinan Keretapi ini yang dinamakan Akta Keretapi (Pindaan) 1987. Pindaan-pindaan yang akan dilakukan sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan adalah memang sesuai dan kena pada zaman sekarang serta polisi-Kerajaan dalam perkara penswastan.

.Pada masa sekarang perjalanan perkhidmatan dan pentadbiran Keretapi tidaklah begitu memuaskan. Saya berharap supaya menswastakan perjalanan Keretapi akan benar-benar dapat dilaksanakan dengan harapan dan tujuan supaya pentadbiran dan perkhidmatan Keretapi akan dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Dalam hal ini, izinkan saya menarik perhatian pihak yang berkuasa dalam hal hendak menswastakan perkhidmatan Keretapi supaya diberikan kepada mereka yang benar-benar mempunyai pengalaman dan modal yang cukup bagi mencapai cita-cita dan maksud kita. Oleh yang demikian, tindakan-tindakan dan keputusan hendaklah dibuat hanya setelah diumumkan perkara penswastaaan Keretapi dengan seluas-luasnya supaya dapat pihak yang berkuasa memilih daripada syarikat-syarikat yang lebih banyak dan yang benar-benar mempunyai kebolehan dan ini keputusannya hanya dibuat setelah pihak yang berkuasa telah mengkaji dan menimbang dengan sehalus-halusnya dan seteliti-litinya. Ini memang harapan saya dan dengan ini saya beri sokongan atas pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat: Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

5.00 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom; Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk mengambil bahagian bersama-sama membahaskan suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 yang baru dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai Ordinan ini ataupun Akta ini menggunakan naskhah sahnya dalam bahasa Inggeris. Kalau dapat pihak yang berkenaan dalam masa kita terus berjuang untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita, jadi perkara yang begini kalau dapat kita elakkan daripada satu masa ke satu masa supaya jangan sampai nanti pihak-pihak yang merasa Kerajaan tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan Bahasa Kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kerta-kertas Parlimen kita ini masih ada juga yang bertulis dalam bahasa Inggeris ini sepatutnya diambil perhatian, jangan membuang-buang kertas, membuang-buang tenaga, gunakan satu bahasa, Bahasa Kebangsaan terus, dia tidak ada dua bahasa sebab kita telah diwajibkan bahawa dalam Dewan ini hanya Bahasa Malaysia sahaja patut digunakan dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun boleh bercakap, boleh menulis, boleh membaca dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk dalam perbahasan mengenai dengan Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948. Sepertimana penjelasan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ialah untuk membolehkan KTM ini untuk diswastakan pada

bila-bila masa atau pada satu masa yang telah Kerajaan atau bagi pihak Menteri Kewangan memikirkan sampai masanya untuk KTM ini di-swastakan untuk meneruskan dasar dan cita-cita pemimpin dan Kerajaan kita untuk meringankan beban Kerajaan yang menanggung perbelanjaan sesuatu badan atau agensi seperti KTM ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya minta kepada pihak Kerajaan supaya KTM ini, Keretapi Tanah Melayu ini diubah kepada Keretapi Malaysia kerana di Sabah pun ada Keretapi walaupun keretapi di Sabah itu kontot cuma daripada Kota Kinabalu sarapai Beaufort sahaja, tetapi kalau Keretapi Malaysia kemungkinan satu masa apabila ada syarikat yang menerima KTM ini mampu dia buat pula Keretapi Malaysia. daripada Tebedu di hujung Sarawak sampai ke Lawas sampai Merapoh sampai Sipitang, Beaufort sambung terus sampai Sandakan. Jadi, Keretapi Malaysia daripada Johor Bahru sampai Padang Besar, daripada Rantau Panjang sambung ke Gemas, ada pula cita-cita hendak buat keretapi daripada Kuala Lumpur ke pelabuhan Kuantan. Ini akan mengubah juga.

Kalau Keretapi Tanah Melayu, oleh kerana ada 'Melayunya' agaknya selalu rugi itu, sebab orang selalu buat kesimpulan kalau orang Melayu berniaga, berniaga buluh kasap, hujung hilang pangkal lesap. Jadi KTM ini Keretapi Tanah Melayu sebab itu rugi-rugi, kalau benarlah dakwaan seorang Ahli tadi mengatakan hutang KTM ini \$839 juta, ini juga satu angka yang kena fikir, kena difikirkan dan difikirkan bersama supaya janganlah kerana ada perkataan Melayu dihujungnya hutang \$839 juta.

Jadi, kalau bubuh nama Keretapi Malaysia besok hutang ini kita boleh selesai, insya Allah. Mungkin dengan nama sebab nama ini kadang-kadang ada bawa tuah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dengan nama ada bawa tuah, kalau kita percayalah tetapi kita percaya atau tidak percaya pun kita suruh ubah nama, tulisan asal nama kedai kepada Bahasa Malaysia pun dia kata papan nama itu ada tuah, jadi kita gunakan ini nama KTM kalau diubah kepada Keretapi. Malaysia ada tuah boleh jadi hutang \$839 juta sebagaimana dakwaan seperti Ahli Yang Berhormat Encik Rajoo tadi boleh selesai.

Apabila kita sebut: masalah KTM kita dengar selalu rugi kema-langan, penumpang tidak mahu naik, barang yang dikirimkan tersangkut lambat dan berbagai-bagai cerita sedangkan kakitangan KTM ini hampir 10,000, kalau 8,600 pekerja, banyak Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau 8,600 orang pekerja KTM ertinya yang saya tahu ini pula ini pekerja KTM ini terutama buruh-buruhnya dia yang menjaga KTM ini, anaknya banyak, sungguhpun dia dekat dengan rel keretapi bunyi gerabak keretapi ini beranak banyak juga. Ini saya tahulah, saya buat siasatan di stesen Seremban, di stesen Tapah, di Keluang, memang kuat semangat anak-anak orang kerja keretapi ini. Jadi kalau hitung panjang satu keluarga ada 8, 8 kali 8 - 64,000 mulut. 64,000 mulut, 64,000 jiwa lebih kurang yang hidupnya bergantung kepada KTM yang selalu rugi. Ini yang saya hairan, dalam rugi pun anak banyak juga, sebab apa, gaji dibayar ditanggung oleh Kerajaan. Jadi, kalau keretapi ini boleh diswastakan dan akan diswastakan sampai pada masanya yang difikirkan baik tentulah Kerajaan tidak akan mensia-siakan rezeki hidup 8,600 pekerja yang mempunyai anak-anak seramai 70,000 orang.

Tengok sahajalah di woksyop Sentul, berapa banyak anak-anak orang keretapi di woksyop Sentul. Ku semangat, tempat sempit tetapi menjadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini kepada sesiapa KTM ini kalau diswastakan jadi hendak diserahkan kepada syarikatkah atau kepada mana-mana orang mengikut dari huraian Akta ini ertinya dengan persetujuan Menteri Kewangan untuk membolehkan mana-mana badan yang berkongsi,- syarikat untuk berkongsi keuntungan atau mana-mana orang, waima orang perseorangan pun dibolehkan kalau dia mampu menjalankan KTM ini hendak bayar hutang beratus juta ringgit tadi, ada satu orang yang marapu, jutawan daripada negara lain, jadi adakah hasrat Kerajaan begitu hingga membolehkan satu company daripada luar negeri, orang daripada luar negeri menjalankan perusahaan pengangkutan keretapi kita, Keretapi Malaysia ini yang saya cadangkan itu, untuk menjalankan perusahaan penumpang, barangan, pengangkutan dan sebagainya? Sebab sekarang ini Menteri Kerjaraya bukan main rancak buat lebuh raya, walaupun tol dikenakan kalau jadi tol Utara/Selatan itu sampai \$200 lebih daripada bayaran tol, ertinya dengan rancaknya pembinaan Lebuh raya Timur/Barat, Lebuh raya Utara/Selatan, keretapi ini makin orang tidak minat lagi, Orang tengok Proton Saga yang lalu daripada simpang lebuh raya Alor Setar hendak pergi ke Sungai Petani, dia tengok pula keretapi berselisih, keretapi itu jalan togel sahaja di tengah-tengah bendang. Proton Saga lalu macam Lipas kudung, lebuh raya pula jalan atas jalan simen konkrit, bukan lagi atas tar. Jadi, itu kita kena fikir jugalah.

Jadi, apabila lebuh raya makin cantik dibuat, lebuh raya makin lurus, nasib keretapi ini hanya sekali sekala apabila ada hari

cuti, hari cuti Hari Raya, hari cuti penggal sekolah keretapi penuh tidak muat-muat sampai hendak berjalan pun nampak macam tidak larat. Berat sangat membawa penumpang tetapi. apabila tidak ada hari keramaian, tidak ada hari cuti keretapi kosong, jalan laju sampai terkeluar daripada landasan, maka berlaku k e m a l a n g a n

Masalah landasan dari segi kejuruteraan, best bengkokkah, sabotajkah, pemandu mengantukkah, itu wallahu alam bissawab, itu nanti Yang Berhormat Menteri jawablah.

Jadi masalahnya sekarang ini kalau kita tengok suatu masa dulu kita sebutkan juga apabila kita bercakap di dalam Dewan ini gerabak-gerabak yang usang, kerusi-kerusi dalam keretapi yang kadangkala apabila keretapi ini bergerak lebih laju terasa sakit punggung, jawapan yang kita dengar sekarang, gerabak-gerabak keretapi baru tetapi daripada luar negeri berhawa dingin dan sebagainya. Ini pun juga tidak menarik minat penumpang-penumpang, orang ramai menggunakan keretapi kecuali kalau isteri-isteri, anak beranak perajurit atau askar kita yang hendak pindah dari satu tempat ke satu tempat dengan menggunakan keretapi kerana ada warrant, kalau tidak ada warrant dia pilih bas ekspres MARA, dia pilih bas-bas ekspres yang berjalan malam sebab dia boleh sampai dalam tempoh 4-5 jam tetapi keretapi lebih daripada itu. Jadi, kemungkinan ini juga sudah difikirkan.

Dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membentangkan Ordinan Keretapi 1948 ini untuk dipinda untuk dibolehkan pada suatu masa Keretapi Tanah Melayu ini diswastakan kepada sesiapa yang difikirkan yang Kerajaan memikirkan, yang pihak Menteri. memikirkan layak dan sanggup untuk menjalankan usaha-usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bercakap nama daripada KTM (Keretapi Tanah Melayu) ini ditukar kepada Keretapi Malaysia. Kita jangan fikir pula tidak munasabah, Sarawak itu boleh kita adakan perkhidmatan keretapi kerana daripada lebedu sampai ke Lawas/ Merapoh sempadan Sarawak ini memang elok untuk memajukan

Sarawak itu lebih cepat majunya. Hutan rimba di tengah-tengah Sarawak itu lebih cepat dibuka supaya pengangkutan kayu balak di tengah-tengah hutan rimba Sarawak itu selain daripada menggunakan sungai-sungai yang ada seperti Sungai Rajang, Batang Niah dan sebagainya itu digunakan keretapi terus dibawa kepada beberapa pelabuhan yang besar baik pelabuhan Kuching, Sibu atau Bintulu dan sebagainya. Jadi, ini ada lebih baik kalaulah syor saya ini difikirkan munasabah. Salah satu daripada pengangkutan yang baik untuk Sarawak yang begitu luas daripada Division 1 hingga Division 7 sempadan Limbang/Lawas dekat dengan Long Pasia yang bersempadan dengan Indonesia itu seperti yang ada di dalam iklan MAS; 4 hari berjalan kaki. Jadi kalau guna keretapi mungkin boleh satu hari.

Tuan Yang di-Pertua, kita fikirkan ini ialah untuk memajukan Sarawak, sebab Sarawak itu negeri kita; kemudian bagaimanaha saya sebut tadi. Keretapi Sabah yang kontot dari Kota Kinabalu sampai ke Beaufort itu kita sambung sedikit lagi sampai dekat Merapoh, kemudian daripada Kota Kinabalu boleh terus pergi ke Sandakan merentas Gunung Kinabalu terus pergi Tawau. Hebat Keretapi Malasia. Bukan Keretapi Tanah Melayu, kalau Keretapi Tanah Melayu rugi, Kalau Keretapi Malaysia, insya Allah, kita boleh untung. Dan dari segi integrasinya orang Sabah ke Sarawak pun senang, orang daripada Sarawak ke Sabah. Kemudian kalau orang daripada Semenanjung ini hendak makan angin keliling negeri Sarawak itu agak susah sekarang, sebab orang Sarawak kata "Tok Jerayak - Jahat" jalan raya kurang baik, -susah. Jadi, makan masa yang banyak. Kalau ada Keretapi Malaysia (Bahagian Sarawak) boleh lancarkan perjalanan daripada

hujung Sarawak ke pangkal Sarawak terus ke Sabah, balik pula ke Semenanjung naik Feri Malaysia "Cruise Muhibbah". Kalau Ahli Parlimen dapat tiket free Alhamdulillah, kalau tidak dapat, tidak apalah, tidak pergi. Sampai masa pilihanraya, kena pergi juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya perkara ini dapat kita fikirkan bersama-sama dalam kita membincangkan Rang Undang-undang Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tadi.

Kemudian, bank saudagar yang disebut untuk membolehkan supaya dilantik satu bank saudagar yang akan membuat kajian. Saya mengesyorkan tak usah susah-susahlah, berilah kepada Bank Bumiputera sahaja. Masalah BMF itu ketepikan dulu. Dalam masalah ini kita ada Bank Buraiputera, bank terbesar, bank anda!

Saya syorkan supaya Bank Butniputra diberi peranan untuk menjalankan projek **ini**. Jangan kita ambil bank Luar negeri. Kalau ambil bank luar negeri besok teruk Kerajaan kita kena tanya, Kerajaan kena jawab kenapa tidak gunakan bank dalam negari? Jadi, bank saudagar yang disebutkan tadi untuk menjalankan kajian supaya adakah KTM ini kalau diswastakan nanti boleh untung atau tidak. Tetapi walau macam manapun setiap perkara kalau diswastakan, diperniagakan akan dapat mengubah sikap kakitangan daripada yang ada kepada perubahan-perubahan yang lebih baik. Saya percaya akan mendatangkan keuntungan. Sebab kalau kita duduk dalam satu badan yang berniaga tentu sikap kita ada berubah sedikit daripada sikap yang ada sekarang ini daripada bekerja; sebab orang berniaga itu makan gaji dengan kompeni perniagaan ada kerja ada gaji. Tetapi kalau makan gaji sahaja tidak ada kerja pun ada gaji.

Jadi, kalau swasta ada kerja ada gaji, perubahan di situ kita hendak kena buat. Kita ubah sikap daripada kakitangan KTM bukanlah bermakna kakitangan KTM sekarang ini ada sikap tidak ada kerja ada gaji. Sebahagiannya memang ada semacam itu, sebab itu sampai kadang-kadang berlaku perkara-perkara yang kurang memuaskan seperti berlaku kecemasan-kecemasan. Kalau misalnya di pintu-pintu lintasan keretapi orang yang menjaga pintu Lintasan itu dia bersikap bertanggungjawab tentu tidak berlaku kemalangan keretapi merempuh bas. Ini hairan jugalah keretapi boleh merempuh bas. Bas tidak nampak keretapikah, keretapi tidak nampak bas? Macam kesah di Lemal dan kesah yang baru-baru ini berlaku keretapi boleh langgar bas, inilah yang hairannya. Jadi drebar keretapi tidak nampak bas atau drebar bas tidak nampak keretapi? Kadang-kadang kejadian ini macam cerita Mat Jenin pula dalam negeri yang sudah merdeka, adakah keretapi yang tidak boleh berekakah atau bas yang tidak mahu berek? Waktu sudah nampak keadaan semacam itu, mengapa perkara ini boleh berlaku? Jadi, perkara yang macam itu kadang-kadang dalam Dewan ini pun menjadi riuh rendah ada soal jawab di antara Ahli Dewan dengan pihak Menteri, dengan pihak Kerajaan. Pada hal perkara itu kadang-kadang kalau kita fikirkan. macara tidak munasabah. Kalau kita tengok kadang-kadang keretapi mengangkut barang-barang ini - angkat kayu balak, angkat simen, angkat minyak, saya tengok pun sampai barang yang hendak diangkat itu berlonggok-longgok.

sahaja kontena yang ada di Selat Kelang Utara, Selat Kelang Tengah;

Ertinya, lebih barang dari yang hendak mengangkat. Tengok Selat Kelang lama itu sudah tidak dipakai. Kita tengok pula tangki minyak yang ada di Port Dickson sana; jangan kata Port Dickson tidak

ada keretapi, ada keretapi Port Dickson tetapi untuk angkat minyak.. Sampai, tiada terangkat. Tetapi apabila kita buka buku Penyata Keretapi, rugi! Jadi, kalau perlu agaknya tambang pengangkutan itu dinaikkan.

Saya faham orang-orang ini telah ~~but~~ kontrak untuk setahunkah atau sebagainya, jadi tidak boleh hendak ubah sesuka hati. Tetapi apa salahnya daripada menanggung rugi selalu, kalau tadi kita bincang masalah Kerajaan Tempatan, cukai pintu boleh naik, tambang ini naik, apa salahnya. Jangan cukai pintu sahaja yang naik, yang tambang ini tidak naik. Sekarang bil api pun naik, bil air pun naik, sampai rakyat di Selangor berhutang sampai \$80 juta, padahal air tidak ada. Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. tersasul pergi ke air. Air di Sepang, di Batu Laut tidak ada tetapi bil air naik. Macam inilah kita kata rugi, barang yang hendak diangkat tidak ada tetapi setengah-setengah tempat kita tengok kayu balak itu tidak diangkat sampai kayu balak busuk.

Jadi, kaum bumiputera yang mengambil bahagian dalam pembalakan ini, dia kata, "Kayu saya tidak boleh diangkat, tidak diangkat: kerana tidak ada gerabak kosong. Saya mengeluarkan kayu, rugi. Sudah, tutup company bumiputera, agaknya ,kerana ada hubungan di antara bumiputera Melayu dengan Keretapi Tanah Melayu yang mana pengeluar kayu balak pun rugi, KTM pun rugi sama.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara. Saya menyokong penuh Akta ini untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 supaya keretapi ini boleh diswastakan. Kalau boleh, cepatlah. Jadi banyak lagi badan-badan yang boleh kita bincangkan bersama-sama untuk kita swastakan, untuk kita perniagakan, supaya perubahan sikap yang sesuai dengan dasar pemimpin-pemimpia kita, dasar penswastan ini dapat dilaksanakaa dengan sebaik-baiknya. Kerana kica tidak mahu dasar yang dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kita hanya menjadi slogan semata-raata.

Tuan Yang di-Pertua, KTM perlu menjalankan usaha supaya ianya digunakan oleh lebih ramai pelancong. Kalau kita tengok, sekarang ini pelancong-pelancong luar negeri tidak pernah menggunakan atau jarang sangat menggunakan KTM

Saya tengok pelancong-pelancong luar negeri kurang menggunakan Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu. Jadi carilah macam mana caranya supaya KTM ini dapat menarik pelancong-pelahcong dan satu usaha harus dibuat sekurang-kurangnya supaya keretapi kita ini menjadi lebih baik daripada keretapi di Jepun atau di Korea.

Kalau di Jepun keretapi boleh lari laju,berdesup, macam peluru senapang, boleh lalu bawah tanah, atas tanah, tergantung dan pun ada rancangan hendak buat keretapi tergantung di Bandaraya Kuala Lumpur ini, Ini semua sepatutnya boleh diubah dan diusahakan

sebaik-baiknya semoga apabila KTM ini dapat dilaksanakan perjalanannya, kewangannya, pentadbirannya secara yang bersungguh-sungguh, secara yang mendatangkan keuntungan kepada semua pihak, keuntungan kepada pihak syarikat itu, keuntungan kepada negara, keuntungan kepada pengguna, keuntungan kepada orang ramai dan nama negara pun untung, nama negara pun baik dan orang yang datang daripada luar negeri tidak ragu-ragu untuk menggunakan perkhidmatan keretapi. Rakyat dalam negeri pun tidak ragu-ragu menggunakan perkhidmatan keretapi, saudagar-saudagar kita yang berniaga eksport/import pun tidak akan ragu-ragu membuat pajakan dengan keretapi untuk mengangkut barangannya sepanjang masa dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian saya membahaskan Akta ini untuk memberi sokongan sepenuhnya atau apa yang sebutkan tadi semoga dapat pihak yang berkenaan memikirkan sebaik-baiknya untuk faedah kita dan negara Malaysia yang ingin menuju kepada satu perkembangan baru dalam bidang pengangkutan keretapi, Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Silakan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

5.24 ptg.

Tuan C, Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan terhadap Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dilancarkan di negara ini, KTM telah mengalami kerugian. Kerajaan Malaysia telah menanggung kerugian ini kerana perkhidmatan KTM amat dikehendaki oleh rakyat miskin dan juga untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan pedalaman seperti negeri Kelantan dan Pahang. Maka perkhidmatan keretapi merupakan satu-satunya jenis

pengangkutan untuk orang-orang miskin. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan keretapi kita tidak boteh dianggap sebagai perkhidmatan Telekom. Apabila kita menswastakan perkhidmatan Telekom, kita sedia maklum perkhidmatan telefon itu tidak berapa mustahak kepada golongan-golongan miskin. Pada hal perkhidmatan keretapi adalah satu pengangkutan yang selalu digunakan oleh golongan-golongan miskin. Oleh sebab itu Kerajaan mesti berwaspada dan berawas-awas tentang penswastakan keretapi.

Seperti Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom telahpun beritahu Dewan yang mulia **ini**, keretapi ini yang mengangkut barang-barang keperluan bukan dari negara Malaysia sahaja, tetapi juga negara-negara asing, negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Seperti barang-barang keperluan, apabila pihak swasta meninggikan harganya dan kemudian apabila ianya dijual kepada orang ramai atau, dengan izin, consumers, merekalah yang menanggung harga yang lebih itu. Oleh sebab itu kita mesti berawas-awas apabila kita menswastakan sesuatu perkhidmatan yang mustahak. Kita perlu menimbang di atas barang-barang keperluan itu apabila diswastakan, kita patut jaga consumers, dengan izin, kerana kepentingan consumers ini adalah sangat penting kerana kebanyakan mereka yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah akan menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak swasta mengambilalih perkhidmatan keretapi ini, mereka mesti menjaga rumah-rumah pekerja-pekerja sekarang. Saya sedia maklum, sekiranya Menteri Pengangkutan melawat kawasan Sentul, beliau boleh nampak keadaan rumah-rumah di situ. Padahal pihak LLN boleh sediakan rumah yang cantik kepada pekerjanya, rumah-rumah yang telah disediakan oleh KTM itu tidak berapa selesa.

Seperti kita sedia maklum, rayuan selalu dibuat kepada semua pekerja-pekerja atau kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya membeli rumah sendiri, tetapi pekerja-pekerja keretapi yang duduk di dalam kawasan pendalaman, mereka tidak dapat membeli atau tidak mampu membeli ~~rumah~~ rumah di dalam rancangan swasta ataupun Kerajaan kerana mereka duduk di dalam kawaaan pendalaman seperti Gua Musang dan lain-lain. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kementerian supaya apabila kita bercadang untuk menswastakan keretapi itu, perumahan pekerja-pekerja mesti ditingkatkan standardnya kerana perumahan yang ada sekarang tidak berapa memuaskan hati.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Sila Yang Berhormat.

5.33 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah; Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi. 1948.

Sebelum saya melanjutkan perbahasan ini., suka lah saya menyentuh kerana risalah atau bil ini dikeluarkan dalam bahasa Inggeris, seelok-eloknya hendaklah dalam Bahasa Malaysia kita sesuai dengan kehendak Dewan ini. mengutamakan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Keretapi Tanah Melayu ini boleh dikatakan rata-rata umum memperkatakan Keretapi Tanah Melayu (KTM) ini. sentiasa mendapat kerugian. Saya rasa berbagai bagai cara telah diatasi. untuk mengatasi kerugian ini tetapi hasilnya sehingga ini tidak dapat dicapai. oleh Kerajaan ataupun KTM sendiri.

Dahulu kita ada seorang pengurus KTM ini yang cekap dan terdapat satu ketika Keretapi. Tanah Melayu mendapat keuntungan. Kenapakah dengan adanya seorang pengurus yang cekap ini tidak diteruskan tugasnya dan dialih pula ke jabatan yang lain? Saya rasa kalau pengurus yang cekap ini. telah dapat mencari. sebab-musabab kenapa keretapi ini rugi.

Satu daripadanya ialah dengan sebab kecuaiannya pekerja-pekerja menyebabkan keretapi selalu mengalami. kemalangan dan membawa kerugian besar. Juga setengah-setengah pekerja mengambil kerja-kerja lebih masa yang tak sepatutnya dilakukan dan ini. juga menyebabkan keretapi kita rugi. Ertinya pengurusan sebenarnya kalau mengikut

laporan adalah tidak cekap dan dengan adanya pengurus baru maka dapat keuntungan pada satu masa, tetapi selepas itu kita terus menikmati kerugian demi kerugian dan lahirlah satu cadangan untuk menswastakan KTM ini supaya boleh berjalan dan memberi keuntungan pula kepada pihak-pihak yang mengambilalih tanggungjawab KTM ini.

Saya bersetuju dengan saudara ataupun rakan Yang Berhormat itu tadi iaitu kita harus memikirkan apabila diswastakan keretapi ini. apakah benar-benar memberi sumbangan kepada golongan pendapatan rendah kerana rata-rata yang menggunakan keretapi ialah orang-orang yang berpendapatan rendah.

Saya pernah terbaca satu ketika dahulu di negeri Kelantan ada satu stesen hendak ditutup, maka menjerit rakyat di kawasan itu kerana hanya itulah satu tempat sahaja untuk mereka menggunakan Melayu. Kita harus memandang jauh.

Katalah Jabatan Telekom diswastakan dan kita setakat ini pun tidak nampak lagi. sejauh mana kekesanan penswastakan kepada Telekom ini dan saya nampak masih banyak lagi orang yang patut mendapat kemudahan telefon masih lagi belum dapat dan saya bimbang kalau keretapi diswastakan dengan begitu terburu-buru boleh mengakibatkan lebih buruk lagi. kepada KTM sendiri- ataupun Kerajaan kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkeajaan dengan kemalangan. Sentiasa sahaja berlaku kemalangan Keretapi Tanah Melayu ini. yang baru-baru ini. kita dengar di Sengkang, Johor. Nasiblah berlaku di Sengkang kerana Sengkang itu cuma lebihkurang satu setengah batu daripada Kulai-. Apatah kalau berlaku di tengah-

tengah hutan belantara yang tak ada hubungan jalan untuk menyelamatkan penumpang-penumpang? Saya rasa lebih buruk lagi akibatnya kepada para penumpang keretaapi, yang kemalangan i.tu.

Mengikut tinjauan yang saya sendiri menyaksikan peristiwa itu ialah kerana landasan. Rata-rata landasan keretaapi kita adalah landasan yang begitu lama, yang sudah masa saya tidak sesuai lagi dengan zaman sekarang ini yang telah mencapai kemerdekaan lebih 30 tahun dan keadaan landasan itu landasan yang lama dan tidak ditukar kepada yang lebih baik.

Kita menggalakan Dasar Pandang ke Timur dan kita tahu di Jepun dari Korea begitu maju industri keretaapinya, tetapi kenapa cara-cara teknologi menguruskan keretaapi daripada negara-negara Timur itu tidak dibawa ataupun dilatih orang-orang kita untuk menjalankan perkhidmatan keretaapi dengan lebih cekap dan baik dan menjadi tumpuan kepada seluruh rakyat untuk menggunakan keretaapi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keretaapi kita tidaklah sehebat keretaapi di Jepun, tetapi saya katakan tadi rata-rata orang berpendapat rendah sangat perlukan keretaapi ini. tetapi perkhidmatannya sahajalah yang tidak memuaskan.

Satu perkara yang saya rasa amat mendukacitakan ialah pihak KTM menjual tiket-tiket keretaapi ini tidak mengkaji sama ada tempat duduk itu cukup ataupun tidak, penumpang selesa ataupun tidak, pakai jualan sahaja asalkan dapat duit, tetapi apabila sampai masanya kira-kira ditutup, rugi. Dan kadangkala nampak penumpang-penumpang keretaapi ini terpaksa duduk di kantin-kantin dan setengah-setengahnya terpaksa tidur merengkok di tepi-tepi tandas. Begitu sekali sambutan, ramainya penumpang untuk menggunakan keretaapi, tetapi.

sampai masanya keretapi ini. rugi.

Kenapakah tidak dikaji berapa kos yang boleh menampung penumpang dalam satu perjalanan. Kenapa pakai jual sahaja tiket. Apa yang boleh dijual, terpaksa berdiri berjam-jam. Kalau kita naik di Kuala Lumpur, terpaksa dapat tempat duduk di. Keluang ataupun di Kulai. Bayangkan bagaimana keadaan penumpang waktu itu. Kalau duduk lama sedikit di kantin kena halau. Boleh duduk di kantin, syaratnya kena beli pula minuman. Itu adat berniaga mestilah. Inilah yang harus dikaji dari. semasa ke semasa, setiap keuntungan yang kita hendak ambil mestilah memikirkan juga keselesaan para penumpang.

Kalaulah penumpang itu terdiri dari rakyat tanahair sendiri tak apa juga, kalau ada pihak pelancong dari Luar negeri, berapa rosak imej negara dibawa ke luar negeri dengan sebab keadaan Keretapi kita yang ada, yang tidak kira bersesak-sesak dan keadaannya yang tidak selesa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini haruslah pihak yang berkenaan mengambil perhatian yang berat supaya tidak berulang lagi perkara ini dan apabila berlaku kemalangan kita dengar beberapa jiwa terkorban.

Selain daripada kemalangan itu ialah oleh kerana terlampau sesak dalam koc-koc yang ada dan keadaannya tidak selesa dan apabila berlaku kemalangan, keadaan penumpang kelam-kabut, bertimpa-timpa akhirnya banyaklah jiwa melayang.

Berbalik kepada masalah pekerja Keretapi tadi, selain daripada kerja-kerja yang kita nampak dilakukan dengan lebih masa yang tak menentu dan banyak menggunakan bayaran dan merugikan KTM, satu masalah besar yang saya lihat ialah masalah dalam pengambilan pekerja-pekerja Keretapi. Di dalam Borang pengambilan pekerja-pekerja itu ada ditanyai, apakah saudara anda ada bekerja di KTM. Jadi, seolah-olah Jabatan Keretapi ini lebih mengutamakan keluarga mereka sahaja untuk bekerja dengan KTM. Jadi semua pekerja KTM itu seolah-olah satu keluarga, dan mungkin dengan sebab itu mudah berlaku timbang-rasa, tolak-ansur dan akhirnya menjadikan kerugian yang besar kepada KTM sendiri. Saya rasa ini haruslah diperbetulkan. Kalau tak ada saudara mara dalam KTM tak dapat hendak bekerja dalam KTM. Kalau ada saudara-mara, insya Allah, boleh bekerja dengan KTM. Adakah ini betul cara yang dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah keselamatan dalam Keretapi, kadangkala kita mendengar kebanyakan penumpang kita kehilangan wang, harta-benda dalam keretapi kerana tidak ada kawalan keselamatan yang terjamin. Kita harap pada pihak Polis atau Pasukan kita hendaklah dipertingkatkan lagi kawalan keselamatan P e r n a h kita baca dalam akhbar, terdapat pelajar-pelajar kita dalam Keretapi ini.

diugut dan dipaksa menyerahkan wang ringgit dan harta-bendanya semata-mata kerana tidak ada kawalan keselamatan dalam keretapi itu sendiri., walaupun ada seorang-dua Polis diletakkan dalam koc-koc keretapi. Dan dengan ini, saya harap peningkatan kawalan keselamatan dalam keretapi adalah dijaga, lebih-lebih lagi dalam koc-koc yang menempatkan orang-orang kenamaan (VIPs) umpamanya, kerana kita bimbang niat-niat jahat pihak tertentu yang suka mengganggu atau mengancam keselamatan penumpang yang menggunakan keretapi, mungkin ini satu daripada caranya untuk menjalankan taktik gangguan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah kejadian membaling batu kepada- keretapi. Masalah membaling batu ini juga selalu sangat diperkatakan dan selalu ada berita keluar dalam akhbar, di mana asal sahaja keretapi melintas di satu kawasan perkampungan tertentu atau di bandar, ada sahaja kerja membaling ini.

Apakah kesan tindakan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk mengatasi masalah membaling batu ini kerana ini juga boleh mendatangkan kerosakan dan merugikan keretapi dan ini juga saya rasa boleh melemahkan pentadbiran KTM sendiri.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan mengenai lintasan-lintasan keretapi sama ada lintasan automatik ataupun lintasan yang menggunakan tenaga manusia. Bagaimanakah boleh berlaku berbagai-bagai kemalangan seperti mana kata AhliYang Berhormat Senator Haji Shaharom tadi, bas langgar keretapi, keretapi langgar bas. Biasanya kejadian ini semua melalui get-get ataupun lintasan yang melalui jalanraya. Tidakkah boleh dibuat oleh pihak KTM sendiri satu usaha untuk mengelakkan kemalangan supaya tidak melalui lintasan itu umpamanya dibuat jalan atas (jejantas) supaya kenderaan boleh lalu di atas dan keretapi di bawah ataupun sebaliknya?

Sebagai contoh, di bandar Kluang, Johor, ada satu lintasan keretapi di tengah-tengah bandar dan apabila tiba masa keretapi hendak lalu, maka get ditutup, berderet-deretlah kereta menunggu. Apa yang menjadi masalah kalaulah berlaku sesuatu rompak, bilakah masanya pihak berkuasa hendak bertindak atau bagaimanakah pihak berkenaan hendak bertindak kalau jalanraya itu disekat oleh keretapi? Katalah perompak itu masih ada di sebelah sini, tetapi kalau perompak sudah lepas ke sebelah sana, kita hendak lalu get keretapi itu sudah ditutup, maka bermahajaralelalah perompak-perompak itu membawa hasil rompakannya. Apakah tidak boleh dibuat jalan atas umpamanya atau di bawah untuk membolehkan lalu lintas itu tidak terganggu setiap masa?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh masalah tanah rizab KTM yang berada di sepanjang-panjang Semenanjung dari Utara sampai ke Selatan. Pada masa dahulu tanah rizab ini diberi juga peluang kepada rakyat dan penduduk tempatan yang berhampiran boleh menggunakan kawasan itu dengan membayar tol tetapi

pada hari ini nampaknya bayaran itu telah ditarik dan tidak dibenarkan mereka untuk menggunakannya. Saya rasa kalau ini diteruskan adalah merugikan pihak KTM. Kalau diberi peluang **ini**, setidaknya dapat mengatasi masalah perumahan dan juga mendatangkan hasil kepada KTM sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tanah-tanah rizab ini difikirkan benar-benar **iaitu** kalau tidak digunakan oleh KTM sendiri, eloklah diserahkan kepada Kerajaan Negeri supaya dapat digunakan oleh penduduk tempatan itu untuk membangunkan rumah kediaman - mereka, kerana kita lihat kawasan rizab ini di bandar-bandar, maka jadilah satu kawasan setinggan yang tidak teratur, tetapi jika diserahkan kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan, bolehlah tanah-tanah itu diolah dengan apa cara untuk dimajukan - kerana setengah-setengah penduduk di kawasan berhampiran itu, walaupun KTM tidak membenarkan dengan cara dibayar tol, malangnya ada juga pihak yang degil membangunkan rumah-rumah mereka yang tidak berapa hasta dengan landasan keretapi, tetapi nampaknya terus juga bangunan itu ada dan tidak ada apa-apa tindakan diambil.

Jadi, ertinya mereka dapat duduk dengan senang-lenang tanpa apa-apa bayaran, KTM tidak ada mendapat apa-apa ganjaran langsung daripada tanah rizab ini. Inilah pandangan saya dan saya berharap pihak KTM mengkaji semula tanah-ranah rizab di sepanjang landasan Utara ke Selatan ini supaya benar-benar memberikan hasil ataupun kalau tidak digunakan, serahkan sahajalah kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat saya perkatakan dan akhirnya saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 **ini**. Terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Eamid bin Ibrahim: Saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.4.8 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli~ahli Yang Berhormat dari Melaka iaitu Yang Berhormat Datuk Nasir Manap, Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni, Yang Berhormat Tuan Rajoo, Yang Berhormat Dato Tan Peng Khoon, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom, Yang Berhormat Tuan Krishnan dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid Abdullah yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) pada hari ini.

Pandangan~pandangan dar syor—syor yang baik itu akan diberikan perhatian yang serius oleh KTM dan Kementerian saya sendiri untuk diambil tindakan iaitu jika dan apabila KTM ini diswastakan kelak.

Bagi menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Datuk Nasir Haji Manap telah membangkitkan berkenaan dengan Perkhidmatan KTM yang semakin berkurangan, sebab-sebabnya soal jadual yang dibangkitkan tidak begitu jelas.

Saya sukalah memaklumkan bahawa perkhidmatan penumpang sebenarnya telah meningkat daripada satu masa ke satu masa, dan saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu jumlah penumpang KTM:

Tahun 1983	-	6.641 juta
Tahun 1984	-	6.633 juta
Tahun 1985	-	6.356 juta
Tahun 1986	-	6.735 juta

Hasil-hasil dari pertambahan penumpang ini meningkat daripada tahun ke tahun, misalnya:

Tahun 1976	-	\$39.72 juta.
Tahun 1977 ,	-	\$45.25 juta
Tahun 1978	-	\$45.91 juta
Tahun 1979	-	\$50.36 juta
Tahun 1980	-	\$62.89 juta

Maknanya Perkhidmatan Keretapi ini diperlukan daripada satu masa ke satu masa, nampaknya meningkat dan ini bererti bahawa khidmat KTM itu diperlukan oleh orang ramai.

Pengangkutan barang-barang yang melalui jalan keretapi yang berkehendakkan kenderaan lain, misalnya seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi tidak ada perkhidmatan terus-menerus. Yang sebenarnya KTM telahpun mengadakan perkhidmatan pungut dan hantar, dengan izin, door-to-door policy, penumpang-penurapang tidak perlu

pergi dengan kenderaan yang lain. Ini telahpun kita mulakan dan telahpun disetujui oleh Kerajaan.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkenaan dengan stesen keretapi ini. Jauh dan sebab itulah katanya pelanggan kurang dan ini menyebabkan kerugian KTM. Sebenarnya kebanyakan stesen utama KTM ini seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru, Alor Setar terletak di bandar. Misalnya di Kuala Lumpur ini berhampiran dengan bandar dan berhampiran dengan stesen-stesen bas dan teksi, dengan sebab itu memang telah dirancang supaya kemudahan-kemudahan seperti itu diwujudkan.

Yang Berhormat dari Melaka juga telah membangkitkan berkenaan dengan jadual waktu yang orang ramai tidak dapat maklum. Sebenarnya kita sudah ada papan tanda di semua stesen, ada risalah jadual waktu yang kita berikan percuma kepada orang ramai di semua stesen dan juga melalui perkhidmatan Televisyen dan Radio daripada satu masa ke satu masa, kadang-kadang kita dengar juga di radio-radio ada diumumkan dan juga kita sebarkan ini melalui teksi-teksi. Jadi mungkin agaknya ada di antara kita yang tidak tahu dan ini akan kita pertingkatkan pengumumannya dari satu masa ke satu masa.

Berkenaan dengan kegelinciran yang dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, suka saya menyatakan sebenarnya jika dibandingkan pada tahun 1981 sehingga sekarang ini kes-kes kegelinciran ini berkurangan. Misalnya:

Tahun 1981	-	144 kes kegelinciran
Tahun 1982	-	134 "
Tahun 1983	-	108 "
Tahun 1984	-	74 "
Tahun 1985	-	43 "
Tahun 1986	-	47 "

Ini menunjukkan bahawa KTM berjaya dengan sedayaupayanya mengurangkan soal kegelinciran.

Yang Berhormat Encik R.M Jasni dari Sabah telah membangkitkan berkenaan dengan punca kemalangan yang sering berlaku tidak diketahui oleh rakyat, juga beliau membangkitkan masalah kemudahan tiket keretapi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen.

Sebenarnya berkenaan tiap-tiap kemalangan keretapi yang berlaku, KTM akan menjalankan penyiasatan yang terperinci ke -atasnya terutama sekali sebab-sebab berlakunya kemalangan itu. Jika penyiasatan itu bukan satu penyiasatan terbuka, penyiasatan itu akan diserahkan kepada KTM untuk KTM sahaja. Seperti kemalangan yang di Johor **ini**, dengan izin, open inquiry, maka itu akan kita beri makluman kepada orang ramai.

Berhubung dengan Ahli-ahli Parlimen, yang sebenarnya Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen memang layak untuk menaiki keretapi dengan percuma. Kalau tidak boleh - seperti di Sabah Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom mengatakan keretapinya kontot atau pendek sangat, jadi Yang Berhormat boleh gunakan kemudahan itu dan kalau Yang Berhormat hendak pergi ke Pulau Pinang ataupun ke Johor Yang Berhormat boleh gunakan.

Yang Berhormat Encik G. Rajoo tadi ada membangkitkan masalah kegelinciran. Ini telahpun saya beritahu tadi dan beliau membangkitkan masalah kakitangan, jika sekiranya diswastakan. Beliau menyatakan bahawa perhatian perlu diberi kepada kakitangan itu, jangan dibuang dan soal keadaan kebajikan mereka perlu diambil perhatian.

Sebenarnya konsep penswastaan ini yang pertama sekali yang diberi perhatian oleh Kerajaan ialah kakitangannya akan diserapkan kepada syarikat yang kita berikan itu supaya mengambilalih

kakitangannya. Ini berlaku kepada Pelabuhan Kelang dan jika KTM diswastakan maka samalah juga ianya akan dibuat. Begitu juga dengan Syarikat Telekom, kita bahagikan kepada kakitangan itu sama ada hendak masuk kepada syarikat atau tidak, tetapi keutamaan akan diberikan kepada mereka. Beliau juga mengatakan janganlah tergesa-gesa untuk hendak diswastakan.

Sebenarnya Kerajaan ,telah mengambil keputusan untuk menswastakan keretapi dan sebenarnya bukan ianya hendak dilakukan, misal kata selepas kelulusan Rang Undang-undang pindaan ini di sini kita akan swastakan katalah besok, lusa ataupun tahun depan. Ianya memakan masa dan kajian sedang dibuat bagi menentukan cara yang sebaik-baiknya untuk menswastakan KTM ini, kerana ia melibatkan banyak perkara-perkara yang besar seperti soal hutang-piutang, soal kakitangan dan sebagainya."

Beliau juga ada menyebut berkenaan dengan mengurangkan kakitangan yang berlebihan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kakitangan KTM ini pada tahun 1960an ada sebanyak 15,000 orang dan kalau dibandingkan dengan jumlah yang ada sekarang ini ialah sebanyak 8,600 orang - itu tidaklah tinggi kalau dibandingkan dengan Perkhidmatan Keretapi di rantau ini.

Kemalangan yang sering berlaku ini tak betullah, saya sudah sebutkan tadi.

Yang Berhormat ada juga menyebutkan berkenaan harta KTM, tanah yang patut dijual di pasaran. Sebenarnya tanah-tanah ini tidak boleh dijual kerana tanah-tanah KTM itu adalah diberikan oleh Kerajaan Negeri sebagai tanah rizab. Jika kita hendak swasta ini-pun, jika, ianya terlibat kepada tanah rizab **itu**, kita perlu minta izin daripada Kerajaan Negeri dahulu.

Yang Berhormat Encik G. Rajoo juga menyentuh berkenaan dengan tidak ada pampasan untuk orang-orang yang terlibat dalam kemalangan. Sebenarnya apabila berlaku kemalangan, soal gantirugi atau pampasan akan ditentukan oleh mahkamah. Sekiranya ditentukan kemalangan itu berlaku kerana kecuaiian KTM, pampasan perlu diberikan kepada mereka yang menjadi mangsa, tetapi setakat ini belum ada yang membuktikan bahawa itu adalah kecuaiian KTM sendiri.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom membangkitkan, pertama sekali beliau menyebut berkenaan dengan kesahihan Akta ini. Beliau mengatakan ianya dalam bahasa Inggeris. Saya ingat Yang Berhormat ini agaknya terlupa. Sebenarnya naskhah asalnya ialah dalam bahasa Inggeris yang telah dibuat pada tahun 1948, maknanya ianya di dalam bahasa Inggeris kerana Akta Bahasa Kebangsaan dibuat dalam tahun 1967, jadi semua Akta-akta sebelum ada itu akan berada dalam bahasa Inggeris. Sekarang ini apakala kita pinda Akta ini, sesuatu yang selepas daripada itu akan dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi oleh kerana Akta ini berada masih lagi tahun 1948, maka ianya berada di dalam bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga membangkitkan berkenaan dengan nama Keretapi Tanah Melayu itu, katanya eloklah ditukarkan kepada Keretapi Tanah Malaysia'. Agaknya kerana Keretapi Tanah Melayu itu yang menyebabkan dia rugi banyak, oleh kerana adanya perkataan ataupun nama 'Melayu' itu, katanya. Sebenarnya nama Keretapi Tanah Melayu itu termaktub dalam Ordinan Keretapi 1948. KTM sekarang ini sedang menggubal Akta Keretapi yang baru dan saya sangat-sangat menghargai cadangan Yang Berhormat tadi supaya ditukarkan nama ini dan kemungkinan besar cadangan Yang Berhormat itu boleh dipertimbangkan untuk diselaraskan dengan keadaan sekarang,

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga membangkitkan iaitu buat apakah diberi kepada bank saudagar luar negeri, eloklah diberikan bank saudagar tempatan, yang disebutkan supaya berilah kepada Bank Bumiputra. Sebenarnya dalam perlantikan bank saudagar ini keutamaan diberikan oleh Kerajaan kepada bank saudagar tempatan. Ini memanglah menjadi dasar Kerajaan mengutamakan dalam negeri dahulu sebelum kita memberi peluang kepada orang lain, kecuali kalau kita sudah tidak ada. Tetapi hati ini kita semua maklum, bank saudagar ini banyak di negara ini, maka kita akan berikan dan Kerajaan telah memutuskan diberikan keutamaan kepada bank saudagar tempatan.

Menyentuh berkenaan kemalangan dengan bas dan kereta, sama ada bas itu tak nampak keretapi ataupun keretapi tak nampak bas, katanya. Kemalangan yang berlaku melibatkan kenderaan lain seperti bas, kereta persendirian, ia berlaku di level crossing, iaitu di lintasan

rata yang di bawah kelolaan syarikat swasta yang kadangkala gagal mematuhi peraturan KTM itu sendiri. Keretapi ini tak boleh melencong, tetapi bas ataupun kereta boleh melencung. Jika dia sudah nampak keretapi lalu ataupun keretapi sudah hampir dekat, keretapi itu tak boleh melencung, tetapi kalau bas dengan kereta, saya rasa boleh melakukan demikian. Jadi yang dipertanggungjawabkan untuk lebih mengambil perhatian apabila melintas landasan keretapi bagi mengelakkan kemalangan ialah pemandu bas, pemandu kereta dan bukanlah pemandu keretapi itu kerana kalau dia melencung, semua gerabak akan terbalik.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Encik C. Krishnan berhubung dengan quarters ataupun tempat tinggal kakitangan, sebenarnya Yang Berhormat pun agaknya sedia maklum, ini di bawah Perintah Am, Kerajaan tidak bertanggungjawab menyediakan perumahan bagi kakitangan, tetapi mana-mana rumah yang ada boleh di-sewa dengan syarat Perintah Am juga meliputi kakitangan KTM.

Berhubung dengan rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Sentul itu, memanglah di dalam perhatian Kementerian ini untuk dicariikan satu cara lain yang lebih baik bagi mengatasinya.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid tadi membangkitkan pengambilan kakitangan lebih kepada keluarga dan anak-anak KTM. Pengambilan kakitangan baru KTM dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan menggunakan borang khas yang dikeluarkan oleh SPA itu sendiri. Jadi, tidak ada di dalam itu disebutkan sama ada dia itu anak pekerja KTM ataupun tidak. Maknanya, kalau'begitu teruklah Suruhanjaya itu, setiap kali ada pengambilan ataupun borang-borang

yang dikeluarkan, dia akan mengikut Jabatan, tetapi Yang Berhormat sendiri tahu borang-borang ini tak ada disebutkan begitu. Agaknya dalam masa temuduga itu dia bertanya sama ada dia itu adakah keluarganya dalam itu, kadang-kadang itu boleh untuk hendak mengetahui sama ada dia itu faham bila dia minta Kerja dengan KTM.

Yang Berhormat membahagikan soal jualan tiket melebihi tempat duduk yang ada. Kes-kes di mana penumpang terpaksa berdiri adalah berlaku di waktu musim-musim perayaan di mana permintaan melebihi daripada tempat duduk itu. Sebenarnya KTM telah berusaha sedaya upaya mengawal penjualan tiket kepada orang ramai. Kebiasaannya orang ramai masih mahu menaiki keretapi walaupun terpaksa berdiri. Kadang-kadang daripada Kuala Lumpur ini dia sanggup berdiri sampai ke Ipoh untuk hendak pergi ke Butterworth. Dia sanggup berdiri kerana dia rasa lebih selamat naik keretapi daripada naik kenderaan di mana dalam musim perayaan ini berlaku banyak kemalangan. KTM menyediakan tren-tren ekspres di mana tempat duduk terjamin mengikut tempahan tiket. Jadi, sebenarnya usaha KTM sedaya upayanya untuk memuaskan orang ramai ini berbagai-bagai, termasuklah sekarang ini kita ada juga tiket-tiket ini melalui komputer supaya kita tahu daripada satu tempat ke satu tempat jumlah penumpang itu.

Tuan Yang di~Pertua, setakat itu sahaja soalan-soalan yang dibangkitkan. Jika ada soalan-soalan yang tidak saya jawab pada petang ini, saya mengambil catatan dan insya Allah, kita akan sama-sama mengusahakannya. Terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan .bersidang. sebagai Jawatankuasa.

[Lt. Kol.(B) Abdul Hamid **mempengerusikan Jawataakuaaa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 ibarat kali yang kedua sekarang,

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah seperti berikut:

- (a) untuk menambah bidangkuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dalam kes-kes tuntutan sivil;
- (b) untuk menukar nama gelaran Yang Dipertua Mahkamah Sesyen;
- (c) untuk membuat peruntukan supaya Majistret Kelas Satu daripada orang-orang yang berkelulusan undang-undang sahaja;
- (d) untuk menyelaraskan bidangkuasa Mahkamah Majistret Kelas Dua di seluruh negara; dan
- (e) untuk membuat peruntukan supaya Pendaftar-pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Rendah dilantik secara automatik menjadi Majistret Kelas Dua.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkasnya kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dikemukakan di dalam pindaan ini. Akta Mahkamah Rendah yang berkuatkuasa sekarang telah memperuntukkan 3 jenis Mahkamah Rendah yang penting, iaitu Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret Kelas Satu dan Majistret Kelas Dua dan bidangkuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah tersebut dalam kes tuntutan sivil adalah seperti berikut:-

- (a) Mahkamah Sesyen di mana tuntutan ini tidak melebihi \$25,000 di dalam kes tuntutan biasa atau untuk mendapat semua harta tak alih, gantirugi dan sewa yang tidak melebihi \$24,000 satu tahun atau \$2,000 sebulan;
- (b) Mahkamah Majistret Kelas Satu di mana tuntutan itu tidak melebihi \$10,000; dan
- (c) Mahkamah Majistret Kelas Dua di mana tuntutan itu tidak melebihi \$250 di Malaysia Barat atau \$500 di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kes tuntutan yang melebihi \$25,000 hanya boleh dibuat di Mahkamah Tinggi sahaja. Setelah dikaji adalah, didapati bahawa had bidangkuasa yang sedia ada sekarang ini adalah terlalu rendah dipandang dari segi nilai wang semasa dan ini menyebabkan bertambahnya kes-kes tuntutan yang telah dikemukakan ke Mahkamah Tinggi. Ini mengakibatkan, dengan izin, 'backlog of cases' di Mahkamah Tinggi. Sebahagian daripada tuntutan yang dibuat di dalam Mahkamah Tinggi adalah merupakan tuntutan yang senang, dengan izin, 'straight forward' seperti kes-kes tuntutan kemalangan jalan raya yang tidak banyak melibatkan persoalan undang-undang dan ini tidak memerlukan seorang yang mempunyai pengalaman seperti Hakim-hakim Mahkamah Tinggi untuk menyelesaikannya. Dengan itu adalah dicadangkan bahawa bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Rendah ini dipinda kepada satu taraf yang lebih tinggi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang seperti berikut:

- (a) **Mahkamah Sesyen:** Bidang kuasa dinaikkan kepada tuntutan biasa yang tidak melebihi \$100,000 dan di dalam tuntutan harta tak alih, gantirugi atau sewa bersangkutan dengan

harta tak alih tidak melebihi \$96,000 satu tahun atau \$8,000 sebulan;

- (b) Mahkamah Majistret Kelas Satu: Bidang kuasa dinaikkan kepada tuntutan yang tidak melebihi \$25,000; dan
- (c) Mahkamah Majistret Kelas Dua Bidang kuasa dinaikkan dan diselaraskan kepada tuntutan yang tidak melebihi \$3,000 di seluruh Malaysia.

Dengan kenaikan bidangkuasa sivil bagi Mahkamah Sesyen adalah dijangkakan sebilangan guaman sivil yang sekarang ini dikemukakan di Mahkamah Tinggi akan dikemukakan dan diuruskan oleh Mahkamah Sesyen. Dengan itu kes-kes sivil yang kini kian bertambah dikemukakan di Mahkamah Tinggi akan dapat dikurangkan untuk rnengurangkan, 'backlog of cases', dengan izin, yang sedia ada.

Untuk menampung kemungkinan penambahan kes-kes di Mahkamah-mahkamah Sesyen oleh kerana keunikan bidangkuasanya itu maka bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Satu juga perlu dinaikkan untuk mengambil kesemua kes-kes tuntutan sivil yang pada masa sekarang berada di dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan kenaikan ini sebagaimana yang telah dinyatakan tadi. Dengan kenaikan bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Dua di dalam kes sivil maka sebahagian daripada bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Satu pula akan dapat diselesaikan oleh Mahkamah Majistret Kelas Dua dan dapat mengurangkan bebanan kerja Mahkamah Majistret Kelas Satu.

Pada masa sekarang nama atau gelaran Yang Dipertua Mahkamah Sesyen atau di dalam bahasa Inggeris 'President of the Sessions Court', dengan Izin, tidak mencerminkan tugas-tugas, imej, mertabat dan kedudukan jawatan itu dengan bertambah kes-kes yang dipertanggung kepada mereka yang pada dahulunya ditanggungkan

kepada Hakim Mahkamah Tinggi adalah wajar nama atau gelaran Yang Dipertua Mahkamah Sesyen atau. 'President of the Sessions Court', ditukar menjadi Hakim Mahkamah Sesyen atau, dengan izin, 'Sessions Court Judge' untuk mencerminkan tanggungan yang lebih berat yang dikenakan ke atas mereka.

Perlantikan Majistret Kelas Satu yang sedia ada tidak dihadkan kepada seorang yang mempunyai kelulusan undang-undang sahaja. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan Majistret-majistret yang ada sekarang adalah dari golongan mereka yang mempunyai kelulusan undang-undang yang terdiri daripada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Dengan bertambahnya bidangkuasa yang diberikan kepada mahkamah tersebut, maka perlulah Majistret tersebut dilantik dari seorang pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Di antara syarat-syarat untuk kemasukan seseorang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ialah ia mestilah berke-lulusan undang-undang. Akta Mahkamah Rendah 1948 sekarang memper-untukkan supaya Yang Dipertua -Mahkamah Sesyen hendaklah dilantik daripada pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Oleh itu, sudah sewajarnya peruntukan dibuat bagi memulakan Majistret Kelas Satu dilantik dari anggota.Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Walau bagaimanapun, seseorang yang tidak mempunyai kelayakan undang-undang yang bukan daripada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan juga boleh dilantik menjadi Majistret Kelas Satu sebagai Majistret Kelas Satu Sementara, sebagaimana juga perlantikan sementara Yang Dipertua Mahkamah Sesyen.

Peruntukan yang sedia ada sekarang memberikan bidangkuasa jenayah yang berlainan di antara Mahkamah Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat dengan Mahkamah Majistret Kelas Dua di Sabah dan Sarawak. Bidangkuasa yang diberikan kepada Mahkamah Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat adalah lebih terhad jika dibandingkan dengan mahkamah yang sama di Sabah dan Sarawak di mana Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat hanya boleh menjatuhkan hukuman yang tidak melebihi 3 bulan penjara atau denda tidak melebihi \$250 atau kedua-duanya sekali, manakala di Sabah dan Sarawak, Majistret yang serupa boleh menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi 6 bulan atau denda tidak melebihi \$1,000 atau kedua-duanya sekali.

Dengan itu adalah dicadangkan supaya bidangkuasa jenayah Majistret Kelas Dua di Malaysia Barat dinaikkan dan diselaraskan dengan bidang kuasa yang sedia ada di Sabah dan Sarawak sekarang. Pada masa sekarang perlantikan Majistret Kelas Dua secara automatik terdapat hanya di Sabah sahaja iaitu terdiri daripada Pegawai-pegawai Daerah dan Penolong-penolong Pegawai Daerah. Di negeri-negeri lain di Malaysia kini perlantikan dibuat oleh Raja-raja atau Yang di-Pertua Negeri yang berkenaan.

Dengan bertambahnya bidangkuasa yang diberikan kepada Mahkamah ini, maka dengan sendirinya kes-kes akan bertambah dalam mahkamah tersebut, maka perlulah perlantikan secara automatik diperluaskan kepada Pendaftar-pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Rendah. Pendaftar-pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah

Rendah adalah dilantik dari Penterjemah-penterjemah atau Kerani-kerani yang telah lama berkhidmat di Mahkamah-mahkamah .dan dengan itu mereka mempunyai pengalaman yang agak luas di dalam undang-undang dan adalah wajar mereka ini dilantik secara automatik sebagai Majistret Mahkamah Majistret Kelas Dua,

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Sekian, saya mohon mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua. Terima, kasih,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli. Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

6.23 ptg.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sambut Rang Undang-undang yang telah dibentangkan untuk bacaan kali kedua dan ingin mencatat beberapa perkara.

Pertama, saya sokong dengan penukaran nama Yang Dipertua Mahkamah Sesyen ke Hakim Mahkamah Sesyen. Pertukaran ini adalah dengan sama taraf dengan Mahkamah Crown dan Mahkamah County di England dan juga Mahkamah Sesyen di India. Pertukaran ini akan memberi penghargaan yang mulia dan tinggi kepada pejabat-pejabat dan mahkamah-mahkamah. Ketua Hakim Negara bolehlah memberi cadangan sama

ada Hakim Mahkamah Sesyen akan memakai jubah atau tidak. Saya difahamkan pada masa, sekarang Ketua Hakim Negara melantik Yang Dipertua Mahkamah Sesyen dari anggota-anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang melebihi 5 tahun pengalaman. Dalam beberapa kes Yang Dipertua yang telah dilantik lebih daripada 10 tahun pengalaman. Dengan kelebihan pindahan kuasa Ketua Hakim Negara mesti menimbang dan melantik Hakim Mahkamah Sesyen yang mempunyai 10 tahun pengalaman dalam kehakiman dan perundangan atau peguambela dan peguamcara yang mempunyai 10 tahun pengalaman. Seksyen 60 dalam Akta Ibu mesti dipinda dan proviso bagi seksyen itu mesti dipotong.

Fasal 4 dalam Rang Undang-undang dirujuk untuk pindaan Akta Ibu dan peningkatan bidangkuasa sivil bagi Mahkamah Sesyen untuk mendengar semua tindakan dalam guaman sivil tersebut di mana pertikaian atau nilai hal perkara ini, tidak melebihi \$100,000. Pindaan ini adalah arahan yang betul walaupun dibantah oleh beberapa ahli dari bidang peguam. Ia akan melonggarkan keseksaan di Mahkamah Tinggi. Pemungut Hasil Tanah yang tidak berkelayakan undang-undang telah dibenarkan untuk menyelesaikan tanah yang melibatkan lebih dari \$100,000. Pindaan ini adalah sesuai dan patut untuk meningkatkan kuasa Hakim Mahkamah Sesyen.

Selain daripada itu, Mahkamah Sesyen mesti memenuhi kuasa untuk mendengar semua penition perceraian yang tidak bertanding dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, interlocutory injunccion, pengeluaran surat kuasa kepada waris-waris si mati. Satu kejadian mesti dijalankan untuk mencari apakah kuasa yang lain yang perlu diberi kepada Mahkamah Sesyen.

Saya sambut fasal 8 dari Rang Undang-undang di mana telah memperkenalkan seksyen 78A yang baru ke Akta Ibu. Menurut perenggan 8 dalam Huraian adalah tidak susah untuk mencari seorang calon yang berkelayakan undang-undang. Oleh yang demikian, untuk mengatasi mutu kerjanya mencapai taraf yang dikehendaki, Ketua hakim Negara mesti melantik Majistret Kelas Satu daripada anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang memenuhi pengalaman yang melebihi 5 tahun.

Pada pandangan fakta int, Mahkamah Majistret akan menguasai kesemua bidangkuasa sivil dari Mahkamah Sesyen sekarang. Semua orang yang dilantik baru dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan .mesti memulakan kerjanya sebagai Majistret Kelas Dua. Pendaftar Mahkamah Rendah atau Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi, sebelum mereka dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya atau Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi, Majistret Kelas Satu mesti menjadi Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi sebelum dilantik sebagai Majistret Kelas Satu. Saya tidak bersetuju dengan peralantikan siswazab-siswazah undang-undang yang kurang pengalaman sebagai Majistret Kelas Satu. Di samping itu, saya memberi cadangan bahawa Penterjemah Kanan yang menunjukkan kebolehan dan kecekapan mesti diberi peluang untuk dilantik sebagai Majistret Kelas Dua. Ini akan mendapat dorongan kepada Penterjemah-penterjemab untuk bekerja keras.

Pasal 10 dalam Rang Undang-undang dirujuk untuk menambahkan bidangkuasa sivil bagi Mahkamah Majistret. Seperti yang saya nyatakan awal tadi kesemua bidangkuasa sivil dari Mahkamah Sesyen sekarang akan diambil oleh Mahkamah Majistret. Sekarang ini akan membebankan tanggungjawab oleh Mahkamah Majistret. Kerja-kerja

Mahkamah Majistret akan berlipatganda. Untuk mengurangkan tanggungan yang dihadapi, saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk menubuhkan lebih Mahkamah Rendah dan melantik lebih banyak Majistret Kelas Dua untuk mendengar tuntutan kecil dan menjalankan kesemua kerja pentadbiran. . Bidangkuasa jenayah bagi Majistret Kelas Dua mesti ditambahkan. Saya ingin merayu kepada Ketua Hakim Negara untuk membentuk sebuah Mahkamah Sesyen dan tambah dua buah Mahkamah Majistret di Butterworth.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Yang Berhormat, saya minta maaf. Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Puan Valli Muthusamy: Terima kasih.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga jam 2,30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

